

**Jilid I
Bil. 8**



**Hari Khamis
21hb Oktober, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 895]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 933]

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 934]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S.,
D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei
Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOHKAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K., (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S, J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Chan Siang Sun, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATUK BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan (PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Pumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Napsiah binti Omar (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN
JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON
PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL
KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan
Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.
(Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sungut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSAIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P (Gerik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DÁMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).

Yang Berhormat **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.** (Balik Pulau).

„ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**

„ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P.** (Padang Terap).

„ **TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).**

„ **TUAN TAN KOW KIA *alias* TAN KOK HOOI (Padang Serai).**

„ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**

„ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**

„ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**

„ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**

„ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).**

„ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**

„ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).**

„ **TUAN YEOH POH SAN (Petaling).**

„ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**

„ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 21hb Oktober, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PEGAWAI PERKHIDMATAN
PELAJARAN MALAYSIA

1. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai jumlah Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Malaysia, mengikut kategori masing-masing serta jumlah di dalam tiap-tiap gred (tingkatan) seperti tingkatan biasa, tingkatan kanan, tingkatan khas dan bagi tiap-tiap kategori itu dari tingkatan G hingga A.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan ini memerlukan statistik dan oleh kerana angka-angka itu banyak, saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua bagi menjimatkan masa Dewan ini supaya jawapan ini diberi secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan jawapan itu diberi secara bertulis.

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang hendak bertanya soalan tambahan (*Ketawa*) kerana jawapan itu akan diberi secara bertulis. Di bawah Peraturan kita, jikalau sekiranya jawapan itu terlampau panjang maka Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan jawapan itu diberi secara bertulis.

BIASISWA KECIL PERSEKUTUAN

2. Tuan Newman Gaban minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyak biasiswa telah diberikan kepada penuntut-penuntut Sabah tiap-tiap tahun sejak tahun 1976; bolehkah bilangan Biasiswa tersebut diperbanyakkan pada tahun-tahun yang akan datang.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, oleh kerana soalan Yang Berhormat kurang jelas mengenai peringkat penuntut yang menerima biasiswa, maka di sini diberi jumlah penuntut-penuntut yang menerima Biasiswa Kecil Persekutuan sejak dari tahun 1976 adalah seperti di bawah:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Pemegang</i>
1976	27,324
1977	29,053
1978	31,223
1979	31,223
1980	22,734
1981	26,968
1982	27,256
JUMLAH ..	195,781

Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada penuntut-penuntut Sabah yang layak pada tahun-tahun yang lepas dan juga pada masa-masa akan datang.

Tuan Fung Ket Wing: (*Dengan izin*): Could the Deputy Minister inform this House whether out of the scholarships granted, how many of them were meant for study overseas

and whether Sabahans have been given scholarships to do their "A" levels in U.K., as is being done in Semenanjung Malaysia where bumiputera students are given scholarships to do their "A" levels in U.K.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk pecahan bilangan murid-murid yang telah menerima biasiswa, saya perlu minta notis.

SISTEM PERJALANAN DERAS (MARTS)—KAJIAN

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah hasil lawatan beliau ke beberapa negara Eropah dalam bulan Mei tahun ini berhubung satu kajian tentang jenis Sistem Perjalanan Deras untuk Kuala Lumpur (Mass Rapid Transit Sistem) yang paling sesuai; apakah keputusan yang diambil oleh Kerajaan dan berapakah kos yang diperlukan bagi memperkenalkan sistem tersebut; dan sama ada kajian kemungkinan akan dijalankan sebelum dilaksanakan nanti.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, berikutan daripada lawatan tersebut, sistem 'Aerobus' dan 'Light Rapid Transit' (LRT) dalam bentuk 'Light Rail' dan 'Automatic Concrete Guideway' adalah di antara sistem pengangkutan yang boleh dipertimbangkan untuk diperkenalkan dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur.

Bagi projek 'Aerobus' kos awal yang dijangkakan ialah sebanyak M\$83.8 juta. Berdasarkan kepada keputusan Jumaah Menteri dan sebagai langkah awal ke arah pelaksanaan sistem ini Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun melantik 'Aerobus Engineering Limited' dan sekutunya dari negara Switzerland bagi menjalankan dengan secepat mungkin kajian pelaksanaan yang terperinci. Berasaskan kepada kajian tersebut dan tertakluk kepada kelulusan Jumaah Menteri, Kementerian ini akan membuat ikatan perjanjian dengan 'Aerobus Engineering Limited' untuk membina dan melengkapkan pemasangan sistem ini secara kontrek yang disatukan (turnkey contract).

Mengenai sistem 'Light Rapid Transit' dalam bentuk 'Light Rail' dan 'Automatic Concrete Guideway', Kementerian ini dengan kerjasama lain-lain agensi Kerajaan yang terlibat akan mengkaji dan menilai keperluan dari segi kewangan dan teknikal terhadap berbagai-bagai jenis sistem LRT yang telah dijalankan, bagi memilih sistem yang paling sesuai untuk dilaksanakan di Bandaraya ini. Sehingga ini, beberapa pembekal dari negara-negara Eropah dan Jepun telah menawar dan menyampaikan taklimat mengenai sistem masing-masing untuk dipertimbangkan.

Setakat ini, kos awal yang diketahui ialah mengenai kos LRT dalam bentuk 'Light Rail', iaitu dianggarkan sebanyak M\$688.9 juta bagi peringkat I, sejauh 19 kilometer. Kajian kemungkinan telah pun dijalankan terhadap sistem-sistem berkenaan dan keputusan muktamad akan bergantung kepada kos, kesesuaian dan keadaan yang terdapat di Kuala Lumpur.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu sama ada beliau boleh memberi jaminan bahawa dengan adanya sistem pengangkutan tersebut masalah pengangkutan akan dapat diatasi di Kuala Lumpur.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sebarang usaha untuk menambahkan lagi pengangkutan jalan raya bagi orang ramai adalah akan mengurangkan kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur dan akan memberi kebaikan iaitu memberi peluang kepada orang ramai untuk menggunakannya. Dengan yang demikian, tentulah ini akan mengurangkan lagi masalah-masalah yang berkaitan dengan pengangkutan yang berada di Kuala Lumpur pada masa ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dengan sistem aerobus yang akan dilaksanakan tidak lama lagi di Bandaraya Kuala Lumpur. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sedikit maklumat kepada Dewan ini tentang apakah kajian

kemungkinan (feasibility studies) yang telah dijalankan sehingga hari ini supaya kita hendak menentukan bahawa sekiranya projek ini dilaksanakan maka ini adalah satu projek yang viable.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kajian kemungkinan tentulah merangkumi kesesuaian sistem itu di Kuala Lumpur terutama sekali dalam keadaan yang ada di Kuala Lumpur pada ketika ini. Maka itu kajian telah dibuat bukan sahaja mengenai dengan sistem itu sendiri tetapi juga mengenai dengan jalan-jalan yang akan dilalui oleh sistem itu dan kita dapati sistem itu memanglah sangat sesuai memandangkan kepada keadaan di Kuala Lumpur pada masa ini.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Tadi Menteri yang berkenaan ada menyatakan tentang aerobus. Sukalah saya bertanya di negara manakah ada aerobus untuk pusat bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan itu soalan lain, tidak bersangkut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di dalam lawatan Yang Berhormat Menteri ke luar-luar negeri adakah Yang Berhormat membincangkan soal mengadakan jalan bawah tanah (subway) yang mungkin perbelanjaannya lebih murah ataupun tidak merosakkan pandangan bandar kerana ianya merupakan jalan bawah tanah.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, salah satu sistem yang telah dikaji oleh Kerajaan ialah sistem subway ataupun keretapi bawah tanah. Memandangkan keadaan bawah tanah Kuala Lumpur yang sentiasa diancam oleh banjir dan keadaan tanahnya tidak stable maka sistem itu telah tidak mendapat sambutan dari pakar-pakar berkenaan.

Lawatan saya itu hanyalah berkaitan dengan light traffic transit yang merupakan light rail dan aerobus.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)—KEMAJUAN

4. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah benar bahawa kewujudan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) di Negeri Kedah adalah bagi kepentingan rakyat jelata yang tinggal di luar kawasan MADA, terutamanya dari segi pembangunan sosio-ekonomi rakyat. Jika ya, apakah kemajuan dicapai selama ini dan apakah halangan-halangan dihadapi oleh KEDA semenjak ianya ditubuhkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa kewujudan KEDA adalah bagi kepentingan rakyat jelata yang tinggal di luar kawasan MADA, terutamanya dari segi pembangunan sosio-ekonomi rakyat.

Walaupun KEDA baru sahaja diwujudkan tetapi KEDA telah dapat menjalankan beberapa projek pembangunan seperti berikut:

- (1) Dua buah projek pembangunan tanah dan pertanian iaitu sebuah projek ladang kopi dan pisang di Charok Tualang, Sik dan Projek Penanaman Kelapa mawa di Pulau Tuba, Langkawi,
- (2) Dua buah projek pembangunan perusahaan kecil desa iaitu sebuah projek pertukangan besi di Charok Tualang, Sik dan sebuah projek membuat bidai dari buluh dan buluh bersama kayu di Naka,
- (3) Tiga buah projek pembangunan kampung-kampung tradisional di Kampung Pulau Sayak dan Kampung Berjaya di Kuala Muda dan Kampung Legong, Baling.

Di samping itu KEDA juga telah membuat kaji selidik keatas 71 buah kampung-kampung tradisional. Kaji selidik ini bertujuan mengumpulkan beberapa banyak maklumat dan perangkaan agar dapat digunakan untuk perancangan masa hadapannya.

Buat masa ini terdapat dua halangan yang besar yang dihadapi oleh KEDA. Pertama, kekurangan kakitangan teknikal dan kedua peruntukan belanjawan tahunannya yang sedikit disebabkan keadaan ekonomi negara sekarang ini yang belum begitu baik.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah di antara halangan-halangan bagi kelancaran dan kemajuan KEDA jika kerana didapati ahli-ahli Lembaga yang merupakan duri di dalam daging dan tidak penuh minat kepada matlamat dan strategi penubuhan KEDA seperti yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan adakah dicadang supaya ahli-ahli Lembaga dirombak dan disusun semula sebelum nasi menjadi bubur.

Kedua, saya dapati pegawai-pegawai di KEDA begitu banyak sekali dan ada menjadi kerumitan kepada mereka pada hari ini kerana sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi peruntukan jadi masalah. Adakah masalah dengan adanya pegawai-pegawai itu.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, perlantikan ahli Lembaga ini bukan satu perlantikan seumur hidup. Sekiranya kita dapati bahawa mereka ini tidak begitu efisien ataupun tidak begitu dedikasi terhadap jawatan dan tugas yang diberi kita akan timbang perlantikan mereka itu dan kita harap Ahli Yang Berhormat dari Kedah ini akan memberi kerjasama kepada kita bagi menjalankan soal selidik kepada ahli-ahli Lembaga ini juga.

Kedua, seperti yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa KEDA mempunyai banyak pegawainya, tetapi dalam kajian kita, kita masih kekurangan pegawai, terutama pegawai-pegawai yang mahir dari segi teknikal dan kekurangan kewangan seperti yang telah saya katakan tadi merupakan satu daripada masalah yang berbangkit dalam perkara ini.

Tuan Ismail bin Said: Tadi dalam jawapannya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan projek-projek

yang sedang dan akan dijalankan dalam kawasan KEDA. Saya ingin tahu sama ada projek-projek pembangunan ataupun pengwujudan bandar-bandar baru akan juga diadakan dalam kawasan yang berkenaan.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Saya telah mengatakan bahawa projek pembangunan dan sosial yang telah dijalankan oleh KEDA ini adalah membangunkan terutama sekali kawasan-kawasan yang tidak begitu maju. Jadi, saya tidak mengatakan untuk membuka kawasan baru ataupun mengadakan bandar baru.

Kita sedang mengkaji sekarang ini 71 buah kampung tradisional untuk kita bangunkan daripada segi sosial dan economic status penduduk-penduduk di dalam kampung ini.

INFLASI—LANGKAH UNTUK MENGURANGKAN

5. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kadar inflasi yang negara ini dijangka menghadapi dalam tahun 1983 memandangkan kadar inflasi dunia amnya sedang melambung naik pada masa ini. Apakah langkah-langkah berjaga yang patut diambil oleh rakyat jelata untuk mengurangkan tekanan inflasi ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan bahawa kadar inflasi dunia sedang melambung naik adalah tidak benar. Sebaliknya kadar inflasi dunia di negara-negara perindustrian telah pun menunjukkan arah aliran yang semakin menurun. Sebagai contohnya kadar inflasi di negara-negara OECD secara keseluruhannya telah pun menurun dari kadar 12.9% dalam tahun 1980 kepada 10.6% dalam tahun 1981 dan dijangka menurun lagi ke paras kira-kira 8% pada tahun ini.

Kemajuan ini adalah timbul dari berbagai faktor terutamanya kemelesetan ekonomi di negara-negara tersebut yang tidak menjejaskan kedudukan permintaan, kejatuhan-kejatuhan dalam harga minyak

dan harga-harga impot barangan utama yang lain dan juga dasar-dasar kewangan dan fiskal yang ketat yang diamalkan oleh negara-negara tersebut. Dalam masa yang sama kadar inflasi di negara ini juga telah menunjukkan prestasi yang memuaskan. Kadar inflasi seperti yang diukur oleh Angkatunjuk Harga Pengguna (AHP) telah menurun dari kadar yang secara relatifnya tinggi sebanyak 9.6% dalam tahun 1981 kepada kadar 6.2% sahaja dalam masa 8 bulan pertama tahun ini.

Antara faktor-faktor yang membawa kepada keadaan yang baik tersebut adalah terutamanya kemajuan-kemajuan yang dicapai dalam kedudukan kos-kos dan bekalan-bekalan yang bertambah memuaskan dengan kerana dari segi kedudukan permintaan pula ianya telah menjadi semakin stabil. Oleh yang demikian kadar inflasi adalah dijangka menurun kepada kira-kira 6.5% bagi keseluruhan tahun 1982 dan dijangka terus menurun pada kira-kira 5% atau 6% pada tahun 1983. Memandangkan yang tekanan-tekanan ke atas harga adalah masih lagi kuat maka Kerajaan akan terus memberi perhatiannya yang utama untuk membentasi inflasi. Ini adalah untuk mengurangkan kesan-kesannya ke atas ekonomi dan pendapatan sebenar rakyat jelata amnya dan khususnya golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Berbagai langkah yang meliputi dasar fiskal, kewangan dan pentadbiran telah dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membentasi kesan-kesan buruk inflasi. Langkah-langkah tersebut adalah terutamanya ditujukan untuk menambahkan lagi bekalan barang-barang dan perkhidmatan di pasaran iaitu umpamanya melalui pelepasan dan pengurangan duti-duti import dan eksais, galakan-galakan bagi mempertingkatkan daya pengeluaran, meneruskan usaha pemberian subsidi serta juga langkah-langkah menggalakkan tabungan-tabungan dalam negeri.

Orang ramai amnya boleh memainkan peranan mereka yang penting dalam usaha menolong membentasi inflasi. Ini dapat dilakukan melalui pengurangan

perbelanjaan-perbelanjaan ke atas pembelian barang-barang yang tidak perlu, menggunakan tabungan-tabungan tersebut seterusnya untuk tujuan-tujuan produktif dan tidak pula membuat pembelian-pembelian jangkakan atau menyorok barang-barang perlu. Seterusnya orang ramai adalah digalakkan untuk bercucuk-tanam bagi kegunaan makanan seberapa banyak yang mungkin dan dengan itu dapat menolong mengurangkan tekanan-tekanan ke atas bekalan bahan-bahan makanan. Orang ramai adalah juga digalakkan supaya menyokong dan memberi kerjasama kepada Persatuan-persatuan Pengguna agar Persatuan-persatuan tersebut mempunyai kekuatan dan tenaga untuk menghalang dan membentasi amalan-amalan perniagaan yang tidak adil oleh penjual-penjual dan pengilang-pengilang keseluruhannya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan, saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan oleh kerana usaha-usaha yang telah dijalankan secara berkesan sehingga kadar tekanan inflasi telah turun sejak beberapa tahun yang akhir ini. Walau bagaimanapun saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa turunnya kadar inflasi ini tidak semestinya mencerminkan dengan tepatnya turunnya kos kehidupan (cost of living) oleh kerana 'basket' yang digunakan untuk menentukan kadar inflasi ini tidak menyeluruh, tidak termasuk lain-lain keperluan hidup yang asasi seperti perumahan dan sebagainya dan bahawa pihak Kerajaan telah berkali-kali memberi jaminan akan memperluaskan 'basket' ini supaya meliputi aspek-aspek perbelanjaan yang lain termasuk rumah yang saya sebutkan tadi. Kalau belum dijalankan usaha ini bilakah hendak dibesarkan 'basket' ini dan kalau sudah dijalankan apakah jenis-jenis perkhidmatan atau barangan yang dimansuhkan di dalam 'basket' yang diperluaskan itu?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar iaitu Kerajaan sedang menyediakan satu 'basket' yang lain tetapi bukan untuk merangkumi keseluruhannya tetapi satu 'basket' atau bakul untuk kos

Angkatunjuk Harga Pengguna di luar bandar dan satu lagi untuk orang yang berada di bandar.

Adalah tidak benar iaitu kos perumahan juga tidak ada pada masa ini dalam bakul yang ada tetapi keberatan (weightage) yang diberi pada masa dahulu dan pada masa sekarang telah diubah dan sekarang ini sedang disediakan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kadar inflasi di dunia ini telahpun menurun terutama sekali dalam negara-negara OECD. Adakah beliau bermaksud bahawa inflasi yang berlaku di negara kita ini adalah merupakan inflasi yang diimport (imported inflation) daripada luar negeri. Jika demikian, apakah peranan negara kita di peringkat ekonomi antarabangsa bagi merendahkan lagi inflasi yang ada pada hari ini dan juga saya ingin tahu sama ada langkah jimat-cermat yang diamalkan oleh Kerajaan kita pada hari ini adalah merupakan satu-satunya cara bagi menuju ke arah ini?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama adalah betul iaitu bahagian yang besar yang telah menaikkan kos inflasi di dalam negara ini adalah oleh kerana pengimportan. Soalan kedua saya telah jawab tadi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, dalam tindakan Kerajaan untuk mengurangkan economic inflasi di negara ini adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menghapuskan cukai-cukai yang membebankan rakyat misalnya tentang cukai jualan dan cukai pembangunan untuk para penjaja?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, marilah besok kami semua dengar.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan export earning ini kurang daripada import expenditure dan kadar debt service ratio sekarang 16% setahun, saya kurang percaya kepada angka yang diberi mengenai kadar inflasi 6.2% tahun 1982; kerana pada 1981 kadar inflasinya ialah 12%

bukan 9.6%. Saya hendak bertanya kadar yang disebutkan tadi 6.2% pada 1982 adakah itu mengambil kira tentang penggunaan gas dan petroleum.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ada.

HARGA GULA

6. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau bersetuju bahawa sesuai dengan harga gula di pasaran dunia sekarang, harga gula di negara kita sepatutnya diturunkan sehingga lebih kurang 75 sen sekilogram, dan sama ada beliau sedar apabila harga gula dinaikkan pada masa lalu, alasan yang diberi oleh Kementeriannya ialah kita terpaksa membeli gula itu dari pasaran dunia yang harganya telah melambung tinggi, tetapi apabila gula di pasaran dunia telah jatuh harganya sehingga paras sekarang, Kementeriannya enggan menurunkan harga gula dengan alasan bahawa bekalan harga gula ke negeri kita adalah terikat dengan perjanjian jangkapanjang dengan Australia dan Kepulauan Fiji, dan kedua-dua alasan itu adalah bertentangan antara satu sama lain dan tidak boleh diterima oleh rakyat dan telah diperalatkan oleh Kementeriannya untuk memberi keuntungan berlebihan kepada kilang-kilang gula di negeri ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, harga gula bertapis di negara ini tidaklah semata-mata bergantung kepada harga gula dunia tetapi adalah berasaskan tiga faktor utama, iaitu:

- (a) harga gula mentah di bawah kontrak-kontrak jangkapanjang;
- (b) harga gula mentah yang diimport dari pasaran dunia; dan
- (c) kos pengeluaran dan pengedaran gula oleh syarikat-syarikat gula tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak tahun 1972, gula mentah dari ladang-ladang tebu tempatan mulai diproses tetapi sehingga ini pengeluarannya hanyalah lebih

kurang 10% daripada keperluan negara. Dengan itu 90% daripada keperluan negara adalah diimport. Sekiranya semua gula yang diimport dibeli dari pasaran dunia, harga runcit gula tempatan akan berubah mengikut turun naik (fluctuation) harga gula di pasaran dunia.

Dengan sebab itu mulai tahun 1975 bekalan gula mentah telah diperolehi melalui kontrek-kontrek jangka panjang dengan Australia dan Fiji, bertujuan untuk mendapatkan bekalan gula yang mencukupi untuk keperluan negara dan juga untuk menstabilkan harga. Ini dibuktikan semasa tempoh bulan Oktober, 1980 hingga ke bulan Jun, 1981 pada mana harga runcit, jika berasaskan hanya kepada harga gula di pasaran dunia ialah di dalam lingkungan \$1.24 hingga \$1.55 sekati (bersamaan \$2.05 hingga ke \$2.56 sekilogram), manakala harga runcit yang telah diluluskan oleh Kerajaan telah berkekalan pada paras harga 75 sen sekati (bersamaan \$1.24 sekilogram). Ini menunjukkan bahawa semasa harga gula dunia tinggi kita mendapat manfaat dari kontrek-kontrek jangka panjang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekesanan penurunan atau kenaikan harga gula dunia ke atas harga runcit gula bertapis tempatan adalah terpulang kepada bahagian gula mentah yang diimport dari pasaran dunia. Jumlah gula mentah yang diimport dari pasaran dunia bergantung kepada anggaran penggunaan gula mentah di dalam negeri setelah ditolak pengeluaran gula mentah dari ladang-ladang tebu tempatan, gula mentah di bawah kontrek-kontrek jangka panjang dan stok gula di syarikat-syarikat gula tempatan.

Penggunaan gula mentah di tahun 1980 ialah lebih kurang 495,483 tan metrik, tambahan sebanyak 7.4% daripada penggunaan di tahun 1979. Penggunaan bagi tahun 1981 telah dianggarkan bertambah sebanyak 10% kepada 547,000 tan metrik. Berasaskan itu, import dari pasaran dunia diluluskan sebanyak 126,000 tan metrik (23% daripada anggaran penggunaan). Akan tetapi penggunaan sebenar di tahun 1981 telah turun sebanyak 8.35% kepada 454,095 tan

metrik. Ini mengakibatkan stok gula yang berlebihan di akhir tahun 1981 dan stok itu terpaksa dibawa kepada tahun 1982.

Bagi tahun 1982 pula, penggunaan dianggarkan 528,000 tan metrik tetapi oleh kerana stok berlebihan dari tahun 1981 yang dianggarkan sebanyak 99,000 tan metrik, gula mentah yang diluluskan diimport dari pasaran dunia hanyalah 18,000 tan metrik, iaitu hanya 3.4% daripada anggaran penggunaan.

Oleh yang demikian, harga runcit gula tempatan bagi tahun 1982 adalah berasaskan pada sebahagian besarnya kepada harga gula mentah yang tinggi di bawah kontrek-kontrek jangka panjang dan juga harga gula mentah yang diperolehi dari pasaran dunia semasa harganya masih tinggi. Oleh kerana itulah harga runcit gula tempatan bagi tahun 1982 tidak dapat diturunkan mengikut paras harga yang rendah di pasaran dunia pada masa ini kerana syarikat-syarikat gula tempatan tidak boleh mengambil kesempatan membeli gula mentah dari pasaran dunia pada paras harga yang rendah itu.

Kementerian saya pada masa ini sedang mengulangkaji harga bagi tahun 1983 dan akan berusaha seberapa yang boleh untuk memperseimbangkan harga runcit gula tempatan dengan harga pasaran dunia semasa.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan sebab utama harga gula di negara kita lebih tinggi daripada apa yang ada di pasaran dunia oleh kerana kontrek-kontrek yang telah ditandatangani di masa dahulu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini mengapa Kementerian tersebut tidak boleh menjalankan urusannya lebih bijak, lebih cekap, lebih beramanah supaya apabila harga dunia tinggi harga gula di negara kita murah dan bukan selalu apabila harga dunia turun kita ada harga gula yang tinggi. Saya rasa ini sebenarnya menunjukkan kegagalan Kementerian Perusahaan dan Perindustrian menjalankan urusan dengan bijak, far-sighted dan bolehkah kita dapat satu jaminan

bahawa untuk masa depan rakyat boleh dapat faedah daripada pengurusan yang lebih cekap yang bijaksana oleh Kementerian.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya beri track record untuk membuktikan sama ada Kerajaan cekap atau tidak. Seperti saya katakan tadi kontrak jangka panjang ini dimulai daripada tahun 1973 dan Kementerian saya telah membuat satu kajian dari tempoh 1973 sampai tahun 1982, ada tahun-tahun kita dapat keuntungan kalau kita banding dengan harga kita memperoleh gula di dalam kontrak jangka panjang dengan harga di pasaran dunia. Dalam 9 tahun ini the net result ialah kita telah untung \$315 juta. Pengguna-pengguna di negara ini dalam 9 tahun yang lalu telah dapat membeli gula jika kita tidak ada kontrak jangka panjang kurang harganya sejumlah \$315 juta.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah harga runcit harga tempatan ini saya ingin tahu sama ada benar Kerajaan mengenakan subsidi. Jika benar, saya ingin tahu berapa senkah subsidi bagi tiap-tiap sekilo dan setakat ini, berapakah jumlah Kerajaan membelanjakan bagi membiayai subsidi ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak memberi apa-apa subsidi, semasa kita ada kontrak tidak langsung ada subsidi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi menyatakan bahawa kita memperoleh keuntungan berjumlah \$300 juta lebih dengan mengikat kontrak jangka panjang. Walau bagaimanapun oleh kerana nampaknya trend harga gula masih menurun dan mungkin dalam jangka masa tidak lama lagi kalau paras harga pasaran kita masih kekal seperti sekarang maka keuntungan itu akan hapus.

Soalan saya, sama ada pihak Kementerian bersetuju untuk memikirkan satu cara supaya kita membuat perimbangan antara kontrak jangka panjang dengan pembelian daripada spot market atau open market supaya kita

akan mendapat faedah daripada harga spot market yang murah dan harga kontrak jangka panjang yang mahal dan begitu juga sebaliknya supaya dapat diimbangkan di antara harga kontrak jangka panjang dengan harga pasaran sekarang (current market price).

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang itu ialah garis panduan yang kita guna untuk menentukan berapa quantity gula yang kita perolehi di bawah kontrak jangka panjang dan juga berapa kita boleh beli daripada pasaran bebas.

Pada lazimnya peratusan yang kita beli daripada pasaran bebas tidak lebih daripada 30%. Jadi 60% daripada keperluan negara bergantung kepada quantity yang terikat di dalam kontrak jangka panjang. Tetapi kalau kita dapat untung atau rugi ia bergantung kepada kajian yang kita buat mengenai trend yang akan datang. Ada tahun-tahun yang mana trend yang hendak kita pandang jauh itu betul, kita untung. Seumpamanya pada tahun 1974 harga dalam long term contract cuma \$380 satu tan tetapi harga di pasaran dunia ialah \$1,700. Jadi harga dipasaran dunia sudah lima kali ganda dan pada tahun itu sahaja kita telah untung \$222 juta. Tetapi tahun 1982 ini ialah satu tahun yang teruk sekali yang mana anggapan kita barangkali sudah salah, harga dalam long term contract itu dalam lingkungan \$800 hingga \$1,000 satu tan tetapi average dalam tahun 1982 cuma \$720 satu tan. Sekarang sudah turun sampai \$400 satu tan.

Jadi ada kadangkala kita buat kesilapan (error) itu tetapi kalau dipandang jauh, sebab tujuan ini ialah kita menstabilkan harga gula mentah atau gula runcit di negara kita ini dengan paras yang setabil bagi 9 tahun ini satu keadaan yang kita boleh katakan memuaskan. Tetapi saya tidak nafikan ada juga bahan yang mana kita dapati ada error di dalam forecasting.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Negara Malaysia adalah negara pertanian, gula adalah kepentingan rakyat jelata. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi

negara kita mengimport gula 90%. Tetapi Kerajaan melalui Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri seperti di Perlis, di Negeri Sembilan, di Perak dan di Kedah (Padang Terap) telah mencuba menanam tebu di kawasan itu. Adakah kalau projek-projek ladang tebu ini berjaya, import gula boleh dikurangkan lagi?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, itu ialah harapan kita apabila Kerajaan meluluskan projek untuk menanam tebu. Tetapi malangnya projek menanam tebu itu tidak berjaya yang saya dapati ialah sebab negara Malaysia kita ini bukan dalam sugar belt, sebab climate kita ini tidak berapa bagus. Jadi rancangan menanam tebu itu cuma seperti yang saya katakan tadi dapat membekalkan 10% daripada keperluan negara. Kalau kita boleh berjaya dalam tanaman tebu, kalau boleh dapat 90% lagi baik, tetapi ini adalah satu hakikat yang kita boleh lari bahawa negara Malaysia bukan dalam sugar belt.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Walaupun apa alasan yang diberi oleh Kerajaan mengapa harga gula tidak dapat dikurangkan ialah kerana Malaysia terikat dengan kontrak jangka panjang. Saya ingin tahu sama ada Kerajaan bercadang membatalkan kontrak tersebut dan membeli gula dari negeri-negeri di mana harganya adalah rendah. Apakah benar harga gula tidak dapat dikurangkan kerana kilang-kilang penapis gula di negara ini merupakan penderma besar kepada tabung Barisan Nasional?

Dato Lew Sip Hon: Sila ulang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan soalan itu.

Tuan Chan Kok Kit: Itu sebab.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan soalan itu.

Wan Mohamed Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dengan penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga keuntungan yang didapati oleh Kerajaan sebanyak \$300 juta lebih itu membuktikan bahawa Kerajaan lebih bijak

daripada Ketua Pembangkang. Jadi daripada kontrak jangka panjang ini, bilakah agaknya kontrak ini akan tamat, dan jika sekiranya tamat kontrak itu, apakah rancangan Kerajaan untuk mengadakan kontrak baru?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu kontrak dengan Australia yang akan tamat pada tahun depan, 1983. Tetapi oleh kerana ada sebahagian daripada quantity yang dikontrek itu tidak dapat dikekalkan pada tahun ini dan ianya terpaksa ditunda pada tahun hadapan. Jadi kontrak ini telah berlanjutan sampai tahun 1984.

Juga kontrak dengan Fiji akan tamat pada tahun 1983 dan kita sekarang dalam proses perundingan dengan pihak Australia dan Fiji untuk membincangkan syarat-syarat kontrak baru dan ini juga kita ambil kira apa yang patut quantity yang kita perolehi memandangkan kepada arahan aliran (trend) harga gula dalam empat lima tahun yang hadapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kontrak-kontrak yang ada pada masa sekarang hanya ada beberapa masa sebelum mereka habis, dengan harga yang sekarang ada, harga pasaran dunia dan harga dalam kontrak. Adakah keuntungan \$300 juta yang kita perolehi dalam 9 tahun ini akan semua dihabiskan dengan kontrak-kontrak yang ada itu ditamatkan?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beri anggaran tadi tidak, sebab ini \$315 juta diambil kira pada tahun 1982 dan seperti apa yang kita tahu pada tahun depan harga gula akan naik daripada kadar yang ada sekarang. Experts pun telah bersetuju bahawa ini ialah yang seberapa rendah yang boleh. Kalau ada dari sekarang ialah harganya cuma naik, tidak ada turun.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah cukuplah kita bercakap hal gula. Kita semua sudah manis-manis belaka (*Ketawa*).

LESEN MEMBALAK DI BUKIT COCOK

7. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan Badan

Pencegah Rasuah dalam perbuatan-perbuatan rasuah mengenai tanah yang dilakukan oleh bekas Kerajaan Negeri Johor seperti pengurniaan kawasan 'catchment' di Bukit Cocok untuk kegiatan balak (logging); dan sama ada benar kes-kes tanah yang melibatkan rasuah di Johor telahpun "selesaikan" di mana 'ikan-ikan besar' yang sepatutnya ditangkap tidak ditangkap dan dibenarkan bebas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bahagian yang pertama soalan Yang Berhormat iaitu perkara Bukit Cocok, siasatan telah selesai oleh Badan Pencegah Rasuah dan didapati tidak ada kesalahan rasuah telah berlaku.

Jawapan bagi bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, ialah tidak benar sama sekali.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah kenyataan bahawa soalan ini yang berkenaan korupsi tidak dijawab oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin tertinggi dalam Barisan Nasional telah kurang minat dalam kes-kes memerangi rasuah?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan soalan ini kerana soalan itu mengeluarkan tomah. Mana-mana Menteri boleh menjawab mana-mana pertanyaan mengikut Peraturan Mesyuarat kita (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah ada hak, ada sesiapa Menteri untuk menjawabnya tetapi menunjukkan sama ada kekurangan minat kes-kes semacam ini, sebab itu saya kemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan adakah benar bahawa dalam kes-kes korupsi yang melibatkan pemimpin-pemimpin tertinggi, mereka yang ada didakwa dalam mahkamah, didakwa atas kes-kes sangat minor dan

technical dan tidak didakwa atas kes-kes yang melibatkan rasuah yang besar, bolehkah sebabnya diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu terkeluar daripada soalan asal. (*Tepuk*).

DASAR PANDANG KE TIMUR

8. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan apakah dasar pandang ke Timur kita sekarang, boleh menimbulkan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara kita, yang selama ini banyak menumpukan kepada pergantungan ekonomi dan teknologi barat. Jika benar apakah tindakbalas dan langkah Kerajaan agar perubahan dasar ini tidak membebankan ekonomi negara kita.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kita tidak nampak akan adanya kesan yang tidak baik terhadap ekonomi negara kita dengan terlaksananya dasar pandang ke Timur ini. Sebaliknya kita menjangka ia mungkin memberi kesan yang baik terhadap pertumbuhan ekonomi negara kita kerana pelaksanaan dasar pandang ke Timur itu adalah menitik beratkan usaha kita untuk mendapatkan kaedah-kaedah dan sistem pengurusan serta teknologi yang sesuai dengan kita dan yang boleh menambahkan lagi daya pengeluaran negara kita.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, dasar kita pandang ke Timur. Adakah Jepun pandang getah kita? Baharu-baharu ini dapati Jepun beli getah dari negeri Thailand sebanyak 1,000 tan metrik setiap bulan. Tentang perkara ini adakah Kerajaan sedia mengambil apa-apa tindakan?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sejak kita baharu melaksanakan dasar pandang ke Timur ini, dari apa yang saya telah dapati semasa lawatan ke negeri Jepun itu bahawasanya negara Jepun mula sekarang ini memberi perhatian yang lebih berat kepada negara kita.

Tuan Ismail bin Said: Dalam jawapan beliau tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa dasar pandang ke Timur ini tidak akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi di negara kita. Jadi, sebagaimana kita maklum bahawa peranan sektor swasta adalah juga mustahak dalam membangunkan ekonomi negara kita. Jadi, saya ingin tahu apakah peranan pihak swasta di negara kita berhubung dengan dasar pandang ke Timur ini, sejauh manakah sumbangan yang mereka beri?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak swasta sama ada di negara Malaysia ataupun di negara Jepun banyak terlibat dengan usaha-usaha latihan yang dilaksanakan pada masa sekarang dengan tujuan untuk memberi kemahiran kepada anak-anak muda kita dan juga memberi peluang latihan sambil bekerja dalam syarikat-syarikat mereka.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi dasar Kerajaan 2M untuk pandang ke Timur sekarang, apakah pandangan negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan terhadap negara kita yang membuat dasar pandang ke Timur ini? Dan adakah Kerajaan sedar atau tidak sedar bahawa pertumbuhan ekonomi di negara kita khususnya dan di Asia Tenggara amnya dimonopoli oleh Jepun?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara kita tidak dimonopoli oleh negara Jepun.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah benar bahawa setelah dasar ini dibuat terdapat masalah bagi negara kita mendapatkan barang-barang gantian bagi peralatan yang ada dalam negara kita. Kalau adapun harganya dinaikkan kepada harga yang tidak sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu tidak bersangkut dengan soal asal.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Adakah benar salah satu kesan pertumbuhan ekonomi negara kita daripada dasar pandang ke Timur ialah pemindahan teknologi. Jika benar, adakah bukti yang menunjukkan pemindahan teknologi itu benar-benar berlaku untuk kepentingan negara kita?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, pemindahan teknologi ini bukan satu proses yang boleh berlaku dalam sehari semalam. Memanglah dalam perancangan kita menetapkan antara tujuan kita melaksanakan dasar ini ialah untuk mendapatkan pemindahan teknologi dan kita yakin bahawasanya dengan rancangan-rancangan yang kita laksanakan semenjak dasar ini diumumkan iaitu melalui program-program latihan di negeri Jepun dan dengan penyertaan syarikat-syarikat swasta maka pemindahan teknologi itu akan berlaku.

Tuan Hassan bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa oleh sebab dasar pandang ke Timur ini maka sikap orang-orang Jepun, yang ada di Malaysia begitu angkuh sekarang ini sehingga dalam apa-apa perundingan mereka tidak mahu lagi berunding dengan pegawai-pegawai Kerajaan tetapi langsung hendak berunding dengan Menteri sahaja.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun membuat suatu kenyataan.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Disebabkan banyak syarikat-syarikat di Jepun memberi syer kepada pekerja-pekerjanya, sama ada Kerajaan sejajar dengan polisi Look-East akan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan berbuat demikian.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Minta maaf saya, Tuan Yang di-Pertua, kurang jelas. Tidak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kurang jelas, minta ulang sekali lagi.

Tuan Chan Kok Kit: Apakah disebabkan banyak syarikat-syarikat di Jepun memberi syer kepada pekerja-pekerjanya, sama ada Kerajaan sejajar dengan polisi Look-East akan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Kerajaan akan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menjualkan saham-sahamnya kepada orang tempatan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya, Ya. (*Ketawa*).

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan tambahan daripada soalan saya tadi, Yang Berhormat Menteri cuma menjawab satu sahaja, tetapi soalan saya yang asal iaitu saya bertanya dari segi dasar Kerajaan 2M untuk pandang ke Timur sekarang, apakah pandangan negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan terhadap negara kita yang membuat dasar pandang ke Timur.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya minta maaf kerana ketinggalan menjawab bahagian yang pertama soalan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya, hasil daripada pelaksanaan dasar pandang ke Timur, keduanya negara itu pada masa sekarang ini lebih ingin menjalankan perhubungan yang rapat dan mempereratkan kerjasama terutama dalam bidang ekonomi.

PEGAWAI PERUBATAN—KENAIKAN PANGKAT

9. Tuan On Gin Sun minta Menteri Kesihatan menyatakan berkenaan dengan gerakan kenaikan pangkat di dalam Kementerian Pelajaran baru-baru ini seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, sejumlah 872 guru-guru dan lain-lain pegawai telah dinaikkan pangkat dan dari jumlah ini 317 dinaikkan ke jawatan Superscale 'G' dan 555 dinaikkan ke jawatan Senior Timescale berapa ramaikah

Pegawai-pegawai Perubatan yang sekarang ini berkhidmat di dalam Kementerian Kesihatan berada di dalam kategori Superscale 'G' dan berapa banyak Pegawai-pegawai Perubatan telah dinaikkan pangkat ke kategori Superscale 'G' dan Senior Timescale di dalam tahun ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sejumlah 84 orang Pegawai Perubatan, Tingkatan Tertinggi 'G' sedang berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan di seluruh negara. Pada tahun 1982 sahaja, seramai 40 orang pegawai perubatan telah dinaikkan pangkat ke Tingkatan Tertinggi 'G'. Sementara itu 34 orang pegawai-pegawai perubatan dan kesihatan Tingkatan Biasa telah dinaikkan pangkat ke Tingkatan Kanan dalam tahun 1982.

ASAP DEBU DARI GUNUNG BERAPI

10. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kabus dan awan mendung yang kerap didapati di bahagian Selatan Semenanjung Malaysia sekarang adalah dengan kerana asap debu dari Gunung Berapi di Jawa Barat yang mengandungi bahan kimia yang tertentu yang boleh merbahaya kepada kesihatan seperti yang dilaporkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bukti bahawa asap dan debu dari gunung Berapi di Jawa Barat ada kaitan dengan peristiwa ini. Mengikut penyiasatan oleh Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia dan Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya, kabus ini berlaku ekoran daripada kebakaran hutan dan pembakaran mengikut amalan pertanian suku kaum tertentu di Kalimantan dan Sumatera. Keadaan ini diburukkan lagi oleh musim kemarau yang dilanjutkan. Kesimpulan ini juga disokongkan oleh gambar satelit yang diterima oleh Perkhidmatan Kajian Cuaca Malaysia. Dari

analisa-analisa yang telah dijalankan tidak ada alasan bahawa keadaan kabus baru-baru ini adalah mudarat kepada kesihatan oleh kerana paras-paras selica, carbonite particles dan heavy metals tidak jauh beza daripada paras-paras biasa.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bahan-bahan pencemaran udara didapati sejauh ini dalam kabus tebal dan awan mendung ini?

Tuan Yang di-Pertua: Minta tanya sekali lagi.

Tuan Yeoh Poh San: Apakah bahan-bahan pencemaran udara didapati sejauh ini di dalam kabus tebal ini?

Tuan Yang di-Pertua: Bahan-bahan (ingredients).

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Pengawasan telah dijalankan pada paras di antara dua hingga lima kaki dari muka bumi dan analisisnya menunjukkan kandungan pepajar atau particles yang tidak sifat kimia yang aktif (particles which are non-toxis) seperti carbon, carbonite dan sulphur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhoramnt faham apa yang terkandung dalam itu?

Tuan Yeoh Poh San: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun faham juga (*Ketawa*).

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya satu lagi soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, apakah pollutants, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sebagai carbon monoxide ataupun lain-lain pollutants yang toxic yang didapati di dalam kabus tebal ini? Itulah soalan tambahan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Toxic.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini boleh jadi panjang (*Ketawa*). Oleh itu saya bercadang memberikan maklumat lanjut secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 25 adalah diberi di bawah ini).

KAPALTERBANG SKYHAWK

11. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah kapalterbang-kapalterbang Skyhawk yang dipesan oleh Kerajaan Malaysia dari Amerika akan dapat dibawa balik ke Malaysia.

Perdana Menteri: Saya telah pun menjawab soalan yang hampir sama dengan soalan ini ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Jerai pada 19hb Oktober, 1982. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada kawapan saya itu.

HARGA RUMAH DI SARAWAK

12. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan matlamat-matlamat bagi perumahan harga rendah di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Keempat, langkah-langkah yang diambil untuk memastikan perbekalan bahan-bahan binaan tersebut murah dan sentiasa ada supaya dapat menstabilkan harga rumah yang dibina.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Negeri Sarawak mempunyai sasaran unit berjumlah 6,793. Daripada jumlah tersebut hanya 4,171 unit telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perhubungan Negeri Sarawak. Daripada jumlah 4,171 unit, sebanyak 1,742 (42.8%) unit telah pun siap dibina, manakala 1,349 unit (32.3%) adalah di dalam peringkat binaan bangunan, sementara 1,080 unit (25.9%) lagi adalah di dalam peringkat awal pelaksanaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Negeri Sarawak memang ada mengambil langkah untuk memastikan perbekalan bahan-bahan binaan tersebut murah dan

sentiasa ada bagi menstabilkan harga rumah kos rendah yang dibina. Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak telah mengambil langkah untuk membeli sendiri bahan-bahan binaan dan membekalkan kepada kontrektor-kontrektor yang membina rumah-rumah harga murah. Walau bagaimanapun, langkah tersebut hanya dapat diambil bagi kawasan Kuching sahaja, sedangkan dibahagian-bahagian lain masih belum dapat diamalkan disebabkan oleh kekurangan pegawai untuk mengawal perbekalan bahan-bahan binaan.

GURU-GURU BESAR MASUK UNIVERSITI—KEKANANAN

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda peraturan supaya Guru-guru besar yang berpengalaman yang perkhidmatannya terputus kerana melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti akan dikira kekananan mereka dalam kategori baru.

Dr Tan Siong Hong: Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan masih belum bercadang untuk meminda peraturan yang ada supaya Guru-guru Besar yang berpengalaman yang perkhidmatannya terputus kerana melanjutkan pelajaran di peringkat Universiti dikira kekananan mereka dalam Kategori yang baru.

Mengikut Skim Perkhidmatan Pelajaran yang digunakan sekarang kekananan seseorang Pegawai Perkhidmatan Pelajaran diambil kira bermula dari tarikh beliau dilantik ke Ketogeri berkenaan. Jika sekiranya pegawai berkenaan berpindah dari satu Kategori-kategori yang lain setelah beliau lulus dari Universiti dan memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan, maka tempoh perkhidmatan beliau yang terdahulu tidak akan diambil kira dari segi kekananan di dalam Kategori yang baru itu.

HOSPITAL DAERAH BARU KULIM

14. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah projek pembinaan Hospital Baru di Kulim dimulakan.

Dato' K. Pathmanaban: Memandangkan kepada tekanan ke atas belanjawan negara, Kerajaan telah memutuskan supaya pembinaan Hospital Daerah Baru Kulim akan dilaksanakan secara "turnkey" sebaik sahaja kedudukan ekonomi Negara telah kukuh semula. Adakah diharapkan bahawa pelaksanaan projek ini secara "turnkey" akan dapat mempercepatkan penempurnaannya kelak.

PENTADBIRAN JABATAN UGAMA/ MAHKAMAH SYARIAH

15. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan ke arah menyelaraskan pentadbiran Jabatan Ugama dan Mahkamah Syariah di negara ini.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Mengikut Perlembagaan, semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal ugama adalah di bawah bidang kuasa Negeri-negeri. Setiap negeri mempunyai Enakmen Pentadbiran Ugama yang berasingan dan dengan demikian cara perjalanan dan pentadbiran Jabatan Ugama Islam serta Mahkamah Syariah di Negeri-negeri adalah berasingan. Sebagai usaha untuk memperkemas dan menggalakkan persamaan undang-undang dan pentadbiran di seluruh negara, maka Kerajaan telah pun menubuhkan sebuah badan di peringkat pusat pada tahun 1968 bagi tujuan tersebut. Badan ini dinamakan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia.

Pada menjalankan tugas-tugasnya, Majlis ini adalah berkuasa berutus dengan mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri. Walau bagaimanapun, tugas utama Majlis ialah untuk memberi nasihat atau pengesyoran dan terserah pada Negeri-negeri untuk mematuhi.

Dalam usaha untuk menyelaraskan Fatwa, ianya dikendalikan oleh sebuah Jawatankuasa Fatwa yang ditubuhkan mengikut peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia dan semua Negeri dikehendaki mematuhi Fatwa atau pendapat Jawatankuasa tersebut setelah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja.

Selain daripada yang dinyatakan di atas, bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri selaku Urusetia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia telah menjalankan usaha dengan tujuan yang serupa, dengan menganjurkan Persidangan/Seminar Ketua-ketua Jabatan Hal Ehwal Ugama serta Kadi-kadi di seluruh Negara dari masa ke semasa. Persidangan/Seminar tersebut biasanya membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah pentadbiran. Pada keseluruhannya keputusan atau kata sepakat yang dibuat telah berjaya mencapai matlamatnya dalam pelaksanaan hal-hal yang bersangkutan ke arah pentadbiran yang lebih licin dan seragam.

ASRAMA DI DAERAH BALING SIK—PEMBINAAN

16. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah asrama akan dibina untuk pelajar-pelajar dalam Daerah Baling/Sik dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dr Tan Tiong Hong: Untuk makluman Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian saya telah meluluskan pembinaan tujuh (7) buah asrama bagi menempatkan kira-kira 1,000 orang pelajar di Daerah Baling dan Sik. Setakat ini kesemuanya projek-projek ini adalah dalam peringkat awal pelaksanaan dan dijangka siap sebelum akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini.

HUTANG NEGARA

17. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah hutang Kerajaan Malaysia dengan luar negeri sehingga hari ini dan berapakah jumlah faedah yang kena dibayar hasil dari hutang-hutang itu dan bilakah tamat tempoh bayaran akhir hutang-hutang itu.

Dato Dr Ling Liong Sik: Sehingga 30hb September, 1982, jumlah hutang Kerajaan dari luar negeri adalah sebanyak \$12 ribu juta. Dari jumlah ini, sebanyak \$8.3 ribu juta merupakan pinjaman-pinjaman pasaran

manakala \$3.7 juta adalah pinjaman-pinjaman projek. Jumlah faedah yang dibayar ke atas semua pinjaman-pinjaman luar negeri adalah sebanyak \$661.2 juta bagi tahun 1981 dan M\$1,034.2 juta bagi tahun 1982. Tarikh tamat tempoh bayaran akhir hutang-hutang ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat bagi tiap-tiap pinjaman seperti yang tercatat di dalam perjanjian pinjaman masing-masingnya. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan kepada pinjaman-pinjaman luar negeri yang telah diambil setakat ini, tarikh tamat tempoh bayaran akhir bagi pinjaman-pinjaman pasaran luar negeri adalah tahun 1992 manakala bagi pinjaman-pinjaman projek pula tempoh bayaran akhir ialah pada tahun 2018.

SEKIM PENYELERAKAN LALULINTAS PULAU PINANG

18. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa lebih daripada 800 buah keluarga terpaksa dipindah akibat dari Skim Penyelidikan Lalulintas (Traffic Dispersal Scheme TDS), terutamanya jalanraya pantai (coastal highway), yang bersangkutan-paut dengan Projek Jambatan Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk memberi bantuan kepada keluarga-keluarga yang terlibat ini supaya mereka dapat ditempatkan semula di tempat-tempat kediaman yang sesuai.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perancangan Pelaksanaan Projek Penyelidikan Lalulintas (TDS) Pulau Pinang telah dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama yang menghubungkan Lapangan Terbang Bayan Lepas ke Persimpangan Jalan Greenland/Batu Lancang sedang dalam pelaksanaan. Masalah penempatan semula setinggian yang terlibat di projek peringkat pertama telah dapat diselesaikan dengan memenuhi syarat-syarat ketat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan telah melibatkan perbelanjaan oleh Kementerian ini sebanyak \$11.53 juta.

Kementerian saya sedar yang pelaksanaan projek peringkat kedua akan melibatkan lebih kurang tiga kali ganda bilangan setinggian yang terlibat jika dibandingkan dengan bilangan setinggian peringkat pertama. Berdasarkan kepada kos yang tinggi serta masalah-masalah lain yang telah dialami dalam usaha menempatkan semula setinggian-setinggian yang terlibat dalam pelaksanaan projek peringkat pertama, Kementerian saya terpaksa mengkaji secara lebih mendalam terhadap kemungkinan pelaksanaan peringkat kedua yang dirancangan.

Pada masa ini, Kementerian saya telah pun meminta Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya memberi kerjasama yang lebih bererti bagi menjayakan projek 'Penyelerakan Lalulintas (TDS)' pada keseluruhannya. Kementerian saya akan cuba memberi bantuan, khasnya bayaran pampasan kepada setinggian-setinggian yang terlibat 'akan tetapi masalah penempatan semula hendaklah diselesaikan oleh Kerajaan Negeri yang akan mendapat faedah yang besar dari aspek Pembangunan Dalam Negeri Pulau Pinang sendiri'. Adalah tidak adil sekiranya segala kos dan masalah pelaksanaan projek itu dibebankan kepada Kerajaan Persekutuan sahaja tanpa tanggungan bersama dari Kerajaan Negeri. Kementerian saya mengharapkan penyelesaian segera masalah-masalah penempatan semula setinggian dari Kerajaan Negeri untuk mengelakkan kelewatan pelaksanaan projek yang akan mengakibatkan kenaikan kos yang berlipat ganda kelak.

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU—BEKALAN AIR

19. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali minta Menteri Pertanian menyatakan oleh sebab taliair KADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu) Kelantan, tidak dapat mengalirkan air keseluruh kawasannya dan berlaku di setengah tempat berkurangan air dan di tempat lain pula berlebihan air, adakah beliau bercadang mengadakan pembaikan dalam hal ini supaya semua kawasan sawah padi dapat diberi bekalan air yang sempurna; jika tidak mengapa.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):

1. Di dalam kawasan rancangan pengiran Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terdapat kawasan padi di mana bekalan air tidak dapat dibekalkan dengan sepenuhnya. Kawasan seperti ini kecil sahaja luasnya iaitu kira-kira 12 peratus daripada luas kawasan yang dibekalkan air untuk tanaman padi 2 kali setahun (80,000 ekar) dan kawasan ini pula letaknya adalah bertaburan.
2. Keadaan ini timbul adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:
 - (a) Kedudukan kawasan padi di dalam KADA adalah tidak sama rata (tinggi rendah) dan ini menyebabkan setengah kawasan mengalami air yang bertakung sementara di kawasan lain airnya tidak cukup.
 - (b) Bagi maksud untuk memaksimumkan pengeluaran padi bekalan air dibekalkan secara serentak bagi semua kawasan KADA. Ini sudah tentulah akan menyebabkan pada satu-satu masa didapati bekalan air tidak sampai kepada semua kawasan.
 - (c) Berlakunya kehilangan bekalan air kerana kawasan padi yang bertaburan tambahan pula tanah di dalam kawasan KADA adalah terdiri daripada berbagai jenis tanah.
 - (d) Keempat-empat Rumah Pam yang mengempamkan air dari Sungai Kelantan tidak dapat mengempamkan air pada peringkat keupayaan mengempamkan yang sepatutnya (80 peratus sahaja) disebabkan kebanyakan pam ini sudah lama.
 - (e) Ketidak sempurnaan sistem saliran ini menyebabkan setengah-setengah tempat mengalami air yang bertakung terutama di musim tengkujuh.

3. Langkah-langkah jangka pendek bagi mengatasi masalah ini sedang dilaksanakan. Peruntukan sebanyak \$5 juta (RME-4) telahpun disediakan oleh Kementerian Pertanian melalui Jabatan Parit dan Taliair Kelantan bagi memperbaiki sistem pengairan yang bermasalah sementara di bawah projek Kelantan Utara (PKU) kerja-kerja telah dilaksanakan yang di antara lainnya untuk memperelokkan Rancangan Pengairan LEMAL dan KASAR dan rancangan-rancangan kecil pengairan yang lain. KADA sendiri dari masa ke semasa sentiasa memperbaiki kemudahan sistem pengairan melalui peruntukan mengurus tahunannya.
4. Sebagai langkah masa panjang Kementerian Pertanian telah pun melantik pakar perunding (Minconsult) bagi mengadakan kajian kemungkinan KADA II bertujuan bagi mengadakan program untuk memperbaiki sistem pengairan dan saluran yang sedia ada supaya bekalan air menjadi lebih sempurna dan dengan itu pengeluaran padi dapat dilakukan secara intensif.

SKIM BANTUAN ALAT-ALAT TANGKAPAN IKAN—PENYALAH- GUNAAN

20. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar terdapat bantuan-bantuan seperti baja, benih dan alat-alat tangkapan ikan yang diberikan kepada petani-petani dan nelayan-nelayan telah tidak digunakan dan sebaliknya dijual untuk mendapat wang tunai secara segera dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini; dan
- (b) sama ada beliau juga sedar bahawa setengah alat-alat tangkapan yang diberi kepada nelayan-nelayan sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan moden sekarang ini.

Dato' Abdul Manan bin Othman:

- (a) Dalam skim bantuan alat-alat tangkapan ikan Jabatan Perikanan, ada tuduhan-tuduhan penyalahgunaan bantuan itu. Jabatan sentiasa mengawas supaya penyalahgunaan dan penyelewengan tidak berlaku dengan lawatan-lawatan susur-siasat yang kerap dilakukan. Selain dari itu sesiapa yang didapati bersalah adalah dikenakan hukuman membayar balik subsidi yang diberi dan mereka itu ditahan dari menerima bantuan-bantuan lain. Sekiranya Yang Berhormat ada makluman-makluman tertentu di atas penyalahgunaan haraplah lapor kepada pihak-pihak yang berkuasa supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.
- (b) Jabatan Perikanan memberi bantuan alat tangkapan hanya selepas menentukan kesesuaian alat-alat tersebut dengan bot yang digunakan, kekuatan injinnya dan keadaan tempat di mana penangkapan ikan itu akan dibuat.

UNIT RUMAH KOS RENDAH— JUMLAH

21. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan oleh kerana penghujung tahun kedua Rancangan Malaysia Keempat akan menjelang:

- (a) berapakah 'target' telah disiapkan oleh kedua-dua pihak swasta dan awam termasuk apakah peratusan yang ditargetkan bagi perumahan kos rendah telah dicapai setakat ini;
- (b) namakan Kerajaan Negeri yang kebelakangan dalam menjalankan usaha pembinaan rumah-rumah kos rendah;
- (c) bagaimanakah Kerajaan Persekutuan dapat memastikan bahawa negeri-negeri ini yang kebelakangan dalam melaksanakan rancangan perumahan kos rendah mereka mencapai targetnya dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dato' Dr Neo Yee Pan:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat setakat 30hb Jun, 1982 jumlah unit rumah kos rendah yang telah siap oleh pihak awam dan swasta ialah sebanyak 32,699 unit. Ini merupakan sebanyak 12.3% daripada sasaran keseluruhan sebanyak 266,500 unit yang dirancangan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Daripada jumlah ini pihak awam telah menyiapkan 24,133 unit atau 13.7% daripada sasaran 176,500 unit manakala pihak swasta pula telah menyiapkan 8,566 unit atau 9.5% daripada sasaran 90,000 unit.

Bagi projek-projek rumah awam kos rendah negeri-negeri yang berjumlah 171,806 unit, sungguhpun hanya 12.8% (atau 21,967 unit) daripada sasaran telah siap setakat 30hb Jun 1982 sebahagian besar projek-projek perumahan awam yakni 45.7% (78,437 unit) dan 12.3% (21,057 unit) adalah dalam peringkat binaan bangunan. Ini bermakna selain daripada 12.8% yang telah siap, 58% (99,494 unit) daripada projek telah pun dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Pada keseluruhannya pencapaian yang telah dan sedang diperolehi adalah memuaskan.

- (b) Tiada satu pun negeri yang berkebelakangan dalam menjalankan usaha pembinaan rumah-rumah kos rendah ini.
- (c) Cara Kerajaan Persekutuan memastikan negeri-negeri tidak berkebelakangan melaksanakan rancangan rumah kos rendah mereka ialah:
- (i) Menggesa tiap-tiap negeri mempercepatkan pengambilan balik tanah yang mana menjadi punca utama dalam perancangan projek tersebut. Tanpa tanah, rancangan tidak dapat bermula.
 - (ii) Masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek adalah dibincangkan dalam

mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Menteri Besar/Ketua Menteri. Wakil dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga turut menjadi ahli bagi memastikan pelicinan perjalanan projek tersebut. Dengan ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengekori prestasi yang dilakukan oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri. Kementerian saya juga membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan perumahan awam kos rendah dalam Jawatankuasa Penyelarasan Mengenai Rumah Awam Kos Rendah yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian saya. Dalam Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan ahli-ahlinya yang terdiri dari Y.B.-Y.B. Exco yang bertanggungjawab mengenai perumahan di negeri-negeri masing-masing, masalah pelaksanaan rumah awam kos rendah yang dihadapi oleh negeri yang berkenaan juga dibincangkan. Selain dari itu, lawatan-lawatan ke negeri-negeri telah dan sentiasa dibuat. Kemajuan pelaksanaan projek-projek perumahan adalah sentiasa diberi perhatian dan pengawasan yang rapi oleh Kementerian saya.

**MAJLIS PERBANDARAN IPOH —
KEKURANGAN BEKALAN LETRIK**

22. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar Majlis Perbandaran Ipoh dan kawasan sekelilingnya menghadapi kekurangan bekalan elektrik mengakibatkan kebanyakan kilang-kilang menghadapi

masalah yang menghalang perkembangan mereka; dan

- (b) jika sedar, apakah tindakan Lembaga Letrik Negara untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Suka saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Majlis Perbandaran Ipoh dan kawasan sekelilingnya tidak menghadapi kekurangan bekalan letrik. Jika keperluan tenaga letrik perlu ditambah bagi mengembangkan kegiatan kilang-kilang tertentu di kawasan tersebut maka pengilang-pengilang hendaklah mengemukakan permohonan kepada Lembaga Letrik Negara dan Lembaga Letrik Negara sudah tentu akan berusaha bagi menambakkannya. Masalah kerendahan voltan (low voltage) yang dialami di kawasan tersebut telah diatasi oleh Lembaga Letrik Negara dengan cara memperbaiki sistemnya di kawasan berkenaan itu.

DASAR PANDANG KE TIMUR

23. Tuan Ismail bin Said: minta Perdana Menteri menyatakan ciri-ciri "Padang ke Timur" yang harus dititikberatkan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menuju ke arah ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ada dua perkara yang dititikberatkan dalam pelaksanaan dasar 'Pandang ke Timur', iaitu:

- (a) penyerapan etika dan nilai-nilai kerja yang baik dan peningkatan kemahiran dalam tenaga pekerja;
- (b) mendapatkan kaedah serta sistem pengurusan yang boleh meningkatkan hasil kerja dengan mencontohi kaedah dan sistem pengurusan yang terdapat di Jepun dan Korea Selatan.

Langkah-langkah yang diambil untuk mencapai matlamat tersebut adalah seperti berikut:

- (a) menggalakkan penubuhan badan-badan usahasama (joint-venture) antara Malaysia dengan Jepun dan Korea Selatan yang boleh membawa kepada pemindahan teknologi yang

sesuai ke Malaysia, umpamanya, melalui syarikat-syarikat pembinaan, di mana di samping menjalankan kerja-kerja pembinaan syarikat-syarikat itu menjalankan skim-skim latihan untuk pekerja-pekerja tempatan;

- (b) Kerajaan telah mengambil dayausaha yang positif dengan menubuhkan badan-badan perdagangan yang berbentuk "sogososhas". Serentak dengan itu, Kerajaan juga menghantar pegawai-pegawai eksekutif untuk mempelajari teknik-teknik pengurusan perniagaan di Jepun;
- (c) Kerajaan akan menghantar pelajar-pelajar ke Jepun di peringkat universiti dan kolej-kolej teknikal;
- (d) pelatih-pelatih perindustrian telah dihantar dan akan dihantar untuk mendapat latihan di firma-firma perindustrian di Jepun dan Korea Selatan;
- (e) guru-guru Malaysia dihantar ke Jepun untuk mempelajari Bahasa Jepun dan guru-guru Bahasa Jepun dan Korea dibawa ke Malaysia untuk mengajar di institusi-institusi pengajian;
- (f) perhubungan institusi (institutional linkages) telah diwujudkan di antara institusi-institusi latihan/penyelidikan di negeri Jepun dan Korea Selatan dengan INTAN.

SEMPADAN PERAK—PULAU PINANG—KAJIAN

24. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan Kerajaan Pusat telah mengambil untuk menyelesaikan tuntutan D.Y.M.M. Sultan Perak baru-baru ini bahawa tanah seluas 46.62 Kilometer persegi di sepanjang sempadan Perak-Pulau Pinang adalah milik Negeri Perak.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Soalan yang bermaksud sama dengan soalan ini telah pun saya jawab pada 12hb Oktober, 1982 di Dewan yang mulia ini dan saya tidak ada apa-apa jawapan tambahan.

**PENGAMBILAN ANGGOTA POLIS—
BILANGAN BUMIPUTERA DAN
BUKAN BUMIPUTERA**

25. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah bumiputera dan bukan bumiputera yang telah diambil dalam rancangan pengambilan polis baru-baru ini untuk menjadi Inspektor dan Konstabal.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Jumlah pengambilan anggota polis pada tahun 1982 dari keturunan Bumiputera dan bukan Bumiputera untuk menjadi Inspektor dan Konstabal adalah seperti berikut:

	<i>Inspektor</i>	<i>Konstabal</i>
Bumiputera ..	275	4972
Bukan Bumiputera ..	87	960

USUL-USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan proviso Peraturan Mesyuarat 12 Persidangan Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga jam 4.00 petang esok, Jumaat, 22hb Oktober, 1982.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan proviso Peraturan Mesyuarat 12 Persidangan

Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga jam 4.00 petang esok, Jumaat, 22hb Oktober, 1982.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA
KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam”. (20hb Oktober, 1982)

3.36 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibuya supaya Kerajaan menangguhkan pelaksanaan kurikulum baru sekolah rendah di Sarawak kerana bimbang kononnya kemerosotan taraf pencapaian murid adalah satu cadangan yang negatif dan tidak bertanggungjawab. Adalah peluang-peluang pelajaran yang terdapat di Semenanjung dengan menjadi hasrat Kerajaan supaya tidak wujud sebarang perbezaan Sabah dan Sarawak. Segala masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah pun

disadari oleh Kementerian Pelajaran yang seterusnya sedang mengambil langkah-langkah bagi mengatasinya dengan berbagai cara.

Penanguhan pelaksanaan bukanlah satu cara mengatasinya. Kalau cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sibu itu diterima, maka akan lebih merosotlah lagi mutu pelajaran di Sarawak kerana berasaskan hasil daripada kajian awal yang telah dilakukan ke atas pencapaian-pencapaian di kalangan murid-murid yang mengikuti kursus KBSR, maka didapati bahawa prestasi mereka adalah jauh lebih tinggi daripada prestasi murid-murid yang tidak mengikuti kurikulum baru ini. Oleh itu, maka jelaslah di sini bahawa Yang Berhormat dari Bandar Sibu itu bukanlah sebenar-benarnya mengambil berat tentang kebajikan rakyat dan masyarakat di Sarawak tetapi sebaliknya beliau lebih mengutamakan bahan-bahan untuk kepentingan politiknya sahaja dengan memutarbelitkan isu-isu terutama sekali dalam hal-hal berkaitan dengan pelajaran (*Tepuk*).

Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa 3M ataupun 3R ataupun KBSR merupakan satu isu yang telah dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu terutama sekali pihak Pembangkang dalam pilihanraya yang lepas bagi menarik sokongan rakyat, tetapi keputusan pilihanraya yang lepas telah membuktikan dengan jelas bahawa mereka telah menolak putarbelit pihak-pihak ini dengan memberi kemenangan kepada Barisan Nasional yang begitu besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata sekali pandangan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong adalah lebih constructive dan Kementerian akan mengambil perhatian dan menimbang cadangan-cadangan yang membina dan jikalau selepas dihalusi dari semua aspek didapati sesuai, maka insya Allah kita akan laksanakan. Oleh itu, sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal pengawasan ke atas lebih 6,000 buah sekolah rendah yang akan melaksanakan KBSR pada tahun hadapan.

Kementerian Pelajaran telah menyedari pentingnya perkara ini dan langkah-langkah sewajarnya sedang diambil. Antara lain Kementerian saya telah membentuk satu jawatankuasa pelaksanaan peringkat pusat yang tugasnya adalah menyelaraskan langkah-langkah pengesanan dan pengawasan atas pelaksanaan KBSR. Pengesanan dan pengawasan atas pelaksanaan KBSR ialah dijalankan secara bertangga-tangga. Di peringkat paling bawah tiap sekolah akan menubuhkan Jawatankuasa KBSR di bawah pimpinan guru besar untuk mengesan masalah serta mengatasi. Mana-mana masalah yang tidak dapat diatasi di peringkat sekolah akan dibawa ke Jawatankuasa KBSR Peringkat Jabatan Pelajaran Daerah yang mengesan dan mengawasi serta mengatasi masalah yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan KBSR di daerah masing-masing.

Seterusnya masalah yang tidak dapat diselesaikan di peringkat daerah akan dibawa kepada Jawatankuasa KBSR di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri yang menjalankan kerja yang sama dalam lingkungan pentadbirannya. Demikian jentera pengesanan, pengawasan dan penyelesaian masalah yang dibentuk menjelang pelaksanaan penuh KBSR. Sekumpulan pegawai dan guru yang diberi tugas sebagai kakitangan penting telah ditetapkan untuk menjalankan kerja-kerja tersebut serta memberikan bimbingan kepada para guru yang memerlukannya dari masa ke semasa.

Masalah kelas-kelas ramai bilangan muridnya hanya wujud di sekolah-sekolah yang besar terutama di bandar-bandar. Untuk sekolah-sekolah yang mengalami masalah ini Kementerian Pelajaran telah mengambil keputusan untuk menaikkan nisbah guru sebanyak 1.5 bagi setiap kelas yang betul-betul memerlukannya. Ini bermakna setiap dua kelas KBSR, tiga orang guru akan diperuntukkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga telah memberikan pandangan bahawa tempoh masa kursus orientasi KBSR pada guru-guru selama 10 hari adalah tidak mencukupi dan seterusnya beliau

mencadangkan supaya kursus kepada guru-guru SRJK Cina dan Tamil dijalankan dalam bahasa pengantar sekolah-sekolah berkenaan. Memandangkan bahawa guru-guru yang diberi kursus orientasi itu adalah guru-guru terlatih dan berpengalaman maka Kementerian Pelajaran berpandangan bahawa tempoh 10 hari itu adalah mencukupi, lebih-lebih lagi kursus itu hanya mendedahkan mereka kepada perkara-perkara yang penting sahaja dalam KBSR. Tambahan pula dalam pelaksanaannya nanti beberapa siri bimbingan dalam bentuk lawatan, perjumpaan dan bengkel-bengkel yang melibatkan guru-guru akan dijalankan. Pada masa itu sebarang kekaburan akan dapat dijelaskan lagi. Dalam kursus-kursus orientasi yang tersebut ada dua perkara yang dijelaskan.

Pertama ialah mengenai perkara-perkara am dan dasar berkaitan dengan KBSR termasuk kaedah mengajar yang am. Penerangan diberi dalam Bahasa Malaysia dan tidak ada sebarang masalah yang timbul di kalangan guru-guru termasuklah guru-guru dari SRJK.

Yang kedua ialah mengenai perincian kandungan sukatan pelajaran. Untuk matapelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil penerangan-penerangannya adalah diberi dalam kedua-dua bahasa yang berkenaan itu. Cadangan untuk memulakan pengajaran Bahasa Malaysia di SRJK Cina dan Tamil pada awal penggal kedua persekolahan tahun satu tidak dapat diterima kerana salah satu daripada tujuan utama KBSR ialah untuk menanamkan kemahiran asas kepada murid-murid dalam bahasa pengantar. Difahamkan pada awal penggal kedua murid-murid belum lagi mencapai penguasaan yang kukuh dalam bahasa pengantar sekolah masing-masing. Hanya selepas 6 bulan barulah penguasaan mereka agak kukuh. Sebab itulah Kementerian Pelajaran memutuskan bahawa pengajaran Bahasa Malaysia di SRJK dimulakan pada awal bulan Julai.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga ada menyentuh soal pendidikan moral. Beliau berpandangan bahawa masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran ini adalah

panjang. Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang juga ada menyentuh perkara yang sama. Laporan Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan telah memperakukan supaya pada masa murid-murid Islam mengikuti matapelajaran ugama Islam, murid-murid bukan Islam hendaklah diberi pendidikan moral. Dengan ini Kementerian Pelajaran telah memperimbangakan peruntukan masa bagi kedua-dua matapelajaran yang tersebut. Jika peruntukan masa pendidikan moral dikurangkan ini akan menjejaskan perseimbangan yang tersebut.

Berhubung dengan persoalan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bandar Sibu lagi mengenai latihan guru-guru Bahasa Cina di Sarawak, Kementerian tidak bersetuju dengan pendapat bahawa prestasi pelatih-pelatih yang mengikuti kursus berkenaan iaitu kursus pendidikan peringkat awal kanak-kanak bahasa Cina adalah rendah. Kalau pun ada pelatih yang kurang baik prestasinya, kelemahan itu bukanlah disebabkan oleh penggunaan media Bahasa Malaysia di maktab perguruan di mana semua matapelajaran kecuali matapelajaran bahasa Cina diajar dalam Bahasa Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah pun memperkenalkan kurikulum perguruan yang baru di maktab perguruan di Sarawak pada tahun ini iaitu kurikulum yang sama dengan maktab-maktab perguruan di Semenanjung. Dalam kurikulum baru ini peruntukan bagi pengajaran bahasa Cina termasuk pedagoginya telah ditambah sebanyak 60% dari 197 jam menjadi 315 jam. Maka sudah tentu bukan sahaja mutu latihan akan meningkat tetapi juga kecekapan guru pelatih dalam bidang pengkhususan bahasa Cina akan bertambah baik.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu juga telah menyuarakan kerisauannya terhadap pengurangan pengambilan bagi maktab perguruan Sibu khususnya dalam bidang pengkhususan bahasa Cina. Sukacita saya memaklumkan di sini bahawa jumlah pengambilan calon memanglah dikurangkan, bukan sahaja di maktab perguruan Sibu

malahan di semua maktab perguruan di seluruh negara. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan kurikulum perguruan 3 tahun, oleh kerana jumlah muatan maksima maktab-maktab tidak berubah maka sudah pastilah jumlah pengambilan untuk satu-satu tahun terpaksa dikurangkan menjadi satu pertiga daripada kapasiti yang sebenarnya. Dalam usaha pengurangan ini maka jumlah pengambilan bagi semua kursus adalah terlibat, termasuklah kursus PPAK bahasa Cina. Mengikut data yang ada di Kementerian Pelajaran sungguhpun jumlah empat yang dikhaskan untuk kursus bahasa Cina di Sarawak ialah 30 tetapi jumlah calon yang menerima tawaran bagi tahun 1982 ialah 24 orang sahaja. Dari 24 orang yang menerima tawaran tersebut hanya 14 orang sahaja dari Sarawak. Untuk memenuhi keseluruhan tempat latihan yang dikhususkan bagi kursus ini tawaran telah pun dibuat kepada calon-calon yang sesuai dari Semenanjung. Walau bagaimanapun, hanya 10 orang sahaja yang sanggup menerima tawaran tersebut. Bagi tahun 1983 pula terdapat hanya 9 orang sahaja yang memohon untuk mengambil kursus ini dari kalangan pemohon-pemohon dari Sarawak pada hal jumlah yang akan diambil ialah 30 orang. Dari jumlah 9 orang ini pula pemohon yang benar-benar sesuai untuk ditemuduga adalah 8 orang sahaja. Justeru itu maka jelaslah kepada kita bahawa bukanlah Kerajaan yang enggan melatih lebih ramai guru-guru untuk sekolah Cina tetapi sebaliknya calon-calon yang berkelayakan sendiri tidak mahu memohon untuk mengikuti kursus tersebut, malah kalau pun ada calon yang layak tetapi jumlah yang mahu menerima tawaran adalah jauh lebih rendah daripada yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pengambilan guru-guru sementara di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina untuk mengikuti latihan sepenuh masa di maktab-maktab perguruan maka sukacitalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibuh bahawa Kementerian Pelajaran sememangnya memberi peluang kepada guru-guru tersebut untuk memohon pada setiap tahun tetapi haruslah diingatkan bahawa calon-calon dari

kalangan guru-guru sementara juga mestilah mempunyai syarat-syarat yang diperlukan demi untuk menjamin taraf dan kualiti guru-guru yang akan lahir dari maktab perguruan nanti. Yang Berhormat sendiri telah menegaskan betapa pentingnya kita meningkatkan lagi mutu dan kualiti guru-guru kita. Kualiti yang hanya boleh dicapai melalui mutu calon yang tinggi. Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan isu bahawa adalah tidak adil semua pelajar Tingkatan III di Sarawak yang akan mengambil peperiksaan SRP pada tahun ini dimestikan lulus matapelajaran Bahasa Malaysia.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, belum lagi dapat dipastikan sama ada keputusan SRP tahun 1982 ini akan memperlihatkan prestasi yang terlalu rendah di Sarawak, oleh sebab keputusannya belum lagi dikeluarkan.

Mengikut rekod Kementerian Pelajaran semenjak tiga tahun kebelakangan ini prestasi peperiksaan SRP di Sarawak telah meningkat tahun demi tahun walaupun matapelajaran Bahasa Malaysia adalah matapelajaran wajib. Seterusnya dalam peperiksaan LCE (Lower Certificate of Education), dengan izin, aliran bahasa Inggeris peratus kelulusan dalam Bahasa Malaysia juga adalah memuaskan.

Suka saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa semenjak peperiksaan LCE perantaraan bahasa Inggeris dimulakan di Sarawak pada tahun 1977, Bahasa Malaysia tidak diwajibkan lulus bagi tujuan mendapatkan sijil Penuh, yang diwajibkan ialah bahasa Inggeris, pengecualian ini dikuatkuasa sehingga tahun 1981 sesuai dengan persetujuan yang diperolehi di antara Kementerian Pelajaran dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

Mulai tahun 1982 ini Bahasa Malaysia sebagai matapelajaran yang wajib lulus dalam LCE akan dikuatkuasakan. Adalah diingatkan bahawa Kementerian Pelajaran telah memberi masa dan notis yang panjang iaitu selama lima tahun bagi calon-calon di Sarawak untuk menyesuaikan diri dan mempertingkatkan pembelajaran Bahasa

Malaysia. Kementerian saya juga telah mempertingkatkan latihan dan penempatan guru-guru Bahasa Malaysia di Negeri Sarawak sebagai membantu pelajar-pelajar mencapai dan meninggikan mutu Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah. Dalam masa yang panjang ini, saya yakin pelajar-pelajar dan guru-guru telah pun bersiap sedia untuk menghadapi perubahan ini. Oleh itu, soal mewajibkan Bahasa Malaysia dalam peperiksaan tersebut tidak boleh dijadikan sebab yang ia akan menjejaskan prestasi pelajar-pelajar.

Kementerian Pelajaran adalah bersimpati dan sedar tentang masalah serta paras perkembangan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah di Sarawak. Oleh itu, pertimbangan-pertimbangan yang wajar akan diberi dalam penilaian untuk menjamin keadilan bagi calon-calon. Perlaksanaan mewajibkan lulus dalam matapelajaran Bahasa Malaysia ini adalah penting bagi menuju kepada matlamat negara yang lebih besar iaitu integrasi dan perpaduan sistem pendidikan kebangsaan dan ia tidak boleh diperlengah-lengahkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendapat Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengenai kemasukan pelajar ke sekolah berasrama penuh, ingin dinyatakan Kementerian Pelajaran mempunyai kriteria tertentu bagi pemilihan tersebut. Tiap-tiap negeri termasuklah Wilayah Persekutuan adalah diberi quota yang seimbang sesuai dengan objektif penubuhan sekolah berasrama penuh yang memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar di luar bandar. Namun demikian, perhatian berat juga diberikan kepada murid-murid miskin dari kawasan setingan di Kuala Lumpur supaya mereka yang layak akan diberi keutamaan di sekolah-sekolah berasrama penuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pasir Puteh yang telah mengulas dengan panjang lebar dan memberi perhatian yang berat terhadap penghantaran pelajar-pelajar kita keluar negeri khususnya di Amerika.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah mencadangkan supaya satu badan penyelaras ditubuhkan supaya dapat mengkoordinasikan pelajar-pelajar yang dihantar oleh berbagai badan penganjur seperti LLN, JPA, MARA, Kementerian Pelajaran dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri dan Yayasan. Cadangan ini disarankan atas alasan bahawa Jabatan MSD hanya memberikan perhatian kepada pelajar-pelajar di bawah anjuran Kementerian Pelajaran sahaja dan demikian juga wakil-wakil badan penganjur yang lain hanya menjaga kebajikan pelajar-pelajar mereka sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Malaysian Students Department adalah merupakan satu jabatan penyelaras bagi semua badan-badan penganjur, menjaga segala kebajikan penuntut-penuntut kita di luar negeri. Sebagai contoh Malaysia Students Department London mempunyai pegawai-pegawai dari beberapa agensi telah menyusun satu cara pentadbiran di mana tiap-tiap seorang pegawai menjaga kebajikan penuntut-penuntut dalam satu-satu zon tertentu, tidak kira penuntut itu dihantar oleh badan-badan yang berlainan. Dengan cara ini semua penuntut Malaysia yang belajar di England dan Eire mempunyai seorang pegawai yang menjaga kebajikan mereka, walaupun sebahagian dari mereka tidak mempunyai wakil badan penganjur.

Mengenai penentuan jurusan dan lapangan pengkajian yang akan diambil oleh pelajar-pelajar yang dihantar keluar negeri telah dari awalnya ditetapkan oleh badan-badan penganjur sendiri sebelum mereka dipilih untuk melanjutkan pelajaran mereka. Penentuan jurusan dan lapangan penganjur adalah ditetapkan mengikut keperluan tenaga kerja ataupun, dengan izin, manpower needs bagi negara kita. Perkara ini terlebih dahulu telah diselaraskan oleh badan-badan penganjur seperti JPA, Kementerian Pelajaran, MARA, PETRONAS, LLN dan sebagainya sebelum calon-calon ditemuduga. JPA juga mempunyai maklumat mengenai semua universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan mengenai bidang-bidang jurusan dan

lapangan pengkajian yang disediakan. Dengan adanya maklumat ini, saya rasa kurang tepat dakwaan Ahli Yang Berhormat mengatakan ada pelajar-pelajar kita yang dihantar ke sebuah universiti yang tidak menyediakan bidang jurusan atau pengkajian sebagai yang ditetapkan dan pelajar-pelajar terpaksa berpindah dari satu universiti ke universiti yang lain.

Mengenai penentuan universiti yang baik, bermutu dan taraf akademik yang baik, Kerajaan sentiasa dari masa ke semasa menghantar pegawai-pegawai kita untuk membuat kajian tersebut. Wakil-wakil Kerajaan kita adalah terdiri dari pegawai-pegawai yang dipilih dari wakil-wakil badan penganjur, merekalah orang-orang yang mengetahui keperluan-keperluan yang diperlukan di bidang-bidang serta taraf akademik sesebuah universiti di luar negeri. Berdasarkan laporan-laporan ini kita memilih universiti-universiti luar negeri bagi penempatan pelajar-pelajar. Kriteria yang dibuat bagi penentuan universiti yang dipilih bukanlah semata-mata berdasarkan bayaran yang rendah, tetapi yang diutamakan ialah mutu pengajaran dan pembelajaran dan juga disiplin yang tertentu yang disediakan oleh universiti. Oleh itu, perbezaan pelajar-pelajar yang dihantar oleh Kerajaan dan mereka yang pergi dengan perbelanjaan sendiri memang tidak wujud, bahkan kita lebih yakin bahawa pelajar-pelajar yang dihantar oleh Kerajaan mempunyai peluang yang lebih baik untuk di universiti-universiti yang lebih tinggi mutunya bagi sesuatu disiplin yang tertentu.

Dari segi peringkat kemasukan ke universiti-universiti di Amerika point of entry, apa yang diketahui di negara tersebut tidak mempunyai sistem persekolahan peringkat Higher School Certificate atau STP seperti yang ada di England. Mengikut sistem pelajaran di Amerika selepas kelulusan High School, mereka terus masuk ke universiti. Walau bagaimanapun, kita ada juga menghantar pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan Diploma dari Pusat-pusat Tinggi di negara ini ke United States of America dan mereka kebanyakannya ditempatkan terus ke tahun kedua atau tahun ketiga di universiti-universiti di USA.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Berkaitan dengan pengetahuan bahasa Inggeris yang diperlukan sebagai pengetahuan asas bagi pelajar-pelajar kita meneruskan pelajaran di United States, semua universiti di negara tersebut telah menetapkan bahawa pencapaian dalam peperiksaan TOEFL mestilah memuaskan. TOEFL bermakna 'Test of English as a Foreign Language'. Bagi peringkat awal mulai tahun ini kursus-kursus intensif bahasa Inggeris telah disediakan di Institut Teknologi MARA. Pelajar-pelajar kita akan dilatih di institut ini bagi membolehkan mereka berjaya dalam peperiksaan tersebut. Dengan kemudahan yang disediakan mereka tidak lagi perlu untuk belajar bahasa Inggeris di USA bagi persediaan keperluan asas ini.

Di samping itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang semua universiti di USA mengadakan peperiksaan bahasa Inggeris bagi semua pelajar-pelajar yang bukan bahasa ibundanya bahasa Inggeris. Tujuan peperiksaan ini bukanlah sama ada menentukan seseorang pelajar itu diterima atau tidak mengikut pengajian di universiti tetapi adalah bertujuan untuk menolong mereka memahirkan bahasa Inggeris bagi kemudahan pelajar. Mereka yang mempunyai pencapaian yang rendah akan diberikan kursus-kursus khas dalam bahasa Inggeris.

Mengenai persiapan pelajar-pelajar untuk belajar keluar negeri yang dikatakan seseorang terpaksa berulang-alik ke Kuala Lumpur, untuk makluman Yang Berhormat urusan-urusan yang diperlukan perlu diselesaikan oleh seseorang pelajar sebelum bertolak keluar negeri adalah banyak. Oleh yang demikian, mereka terpaksa datang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri orientasi, urusan visa, wang pendahuluan dan sebagainya. Kementerian Pelajaran akan mengambil langkah untuk cuba mengurangkan pelajar berulang-alik dari kampung ke Kuala Lumpur untuk urusan-urusan tersebut masa-masa akan datang. Seterusnya setiap kumpulan pelajar yang akan bertolak keluar negeri, pemergian

mereka terlebih dahulu dimaklumkan kepada Jabatan Penuntut Malaysia untuk mengatur ketibaan pelajar-pelajar dan menguruskan pendaftaran serta tempat kediaman pelajar-pelajar itu di universiti-universiti berkenaan. Jabatan Penuntut ini juga bertanggungjawab mengawas keselamatan pelajar-pelajar tersebut. Persatuan-persatuan Pelajar juga ada membantu dalam semua urusan ini. Di samping itu di tiap-tiap universiti di USA mempunyai satu pusat pelajar yang dikenal sebagai International Student Centre yang mana tugas mereka menolong pelajar-pelajar antarabangsa dari segi kebajikan. Pada awal penggal, pusat-pusat ini memberikan perkhidmatan 24 jam dan mereka menyediakan kemudahan kenaikan dari lapanganterbang ke universiti dan juga menyediakan asrama-asrama sementara bagi pelajar-pelajar yang baru tiba dan seterusnya membantu pelajar-pelajar untuk mencari tempat tinggal dan memperkenalkan bandar dan kawasan di sekitar universiti tersebut.

Mengenai insiden di mana perkataan pelajar kita terpaksa menunggu 10 jam di lapanganterbang dan kemudian terpaksa tidur dalam setor universiti, Kementerian ini akan cuba mencari maklumat yang lengkap mengenai perkara tersebut supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi di masa akan datang. Dalam hubungan ini, saya sukalah merayu kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih supaya dapat membekalkan kita dengan maklumat-maklumat yang lebih spesifik dan detail bagi menolong Kementerian ini mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mempersoalkan kebijaksanaan kita mengajar Tamaddun Islam di Maktab Perguruan. Tuan Yang di-Pertua, kursus Tamaddun Islam akan diadakan di maktab-maktab sebagai satu kursus yang berorientasikan pengetahuan tetapi tidak berorientasi pendidikan. Ini bermakna bahawa tidaklah sekali-sekali kursus ini mempunyai objektif bagi mengislamkan ataupun convertion orang-orang yang bukan Islam. Objektif kursus ini ialah untuk menerangkan perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan konsep dan falsafah Islam mengenai kehidupan sehari-hari dan kehidupan serta aktiviti mental akan disentuh di dalam kursus

ini sejarah awal umat Islam dan perkembangan mereka hingga ke hari ini. Apabila seseorang itu memahami hakikat ajaran Islam yang sebenar sama ada ianya seorang Islam ataupun bukan Islam maka akan hilanglah prasangka buruk terhadap Islam dan dengan itu hormat-menghormati di kalangan ahli masyarakat majmuk seperti Malaysia ini akan wujud. Rasa bimbang terhadap Islam dengan sendirinya akan terhapus, kerana apabila seseorang itu faham hakikat yang sebenarnya mengenai Islam ianya akan dapat membezakan di antara ajaran Islam dengan amalan setengah-setengah orang Islam. Apabila fahaman yang sebenar itu wujud maka akan timbullah keadaan harmoni di dalam masyarakat majmuk. Kursus ini akan dijalankan dengan cara dan pendekatan yang sesuai dengan guru-guru pelatih dan sekali-kali tidak menjadi beban yang berat kepada mereka.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat mahukan waktu mengajar matapelajaran Agama Islam ditambah. Peruntukan masa bagi matapelajaran ini di sekolah rendah talahpun ditambah dari 120 minit kepada 150 minit seminggu dengan memberi penekanan kepada bacaan Al-Quran. Belum ada rancangan Kementerian Pelajaran untuk menambah waktu pengajaran matapelajaran Agama Islam di sekolah menengah biasa yang berjumlah 120 minit satu minggu pada masa ini kerana akibatnya akan membebankan murid-murid. Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan pendidikan Islam, Kementerian saya mengadakan pendidikan Islam secara non-formal seperti menggalakkan kegiatan-kegiatan yang bercorak agama.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kinta yang mencadangkan supaya Kerajaan melonggarkan sekatan terhadap guru bahasa China lepasan maktab yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bahasa China di universiti, Kerajaan tidak mengadakan sekatan kepada mana-mana kumpulan guru atau guru perseorangan untuk melanjutkan pelajaran. Sekiranya seseorang guru itu memenuhi semua syarat seperti telah disahkan dalam jawatan, berkhidmat tidak kurang daripada 3 tahun serta mendapat kepujian dalam Bahasa

Malaysia, maka mereka bolehlah di-pertimbangkan untuk melanjutkan pelajaran di universiti.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan isu berkaitan dengan pelajaran tinggi. Antara isu-isu tersebut termasuklah isu mengenai peranan Universiti Islam Antarabangsa yang akan didirikan di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, penubuhan universiti ini antara lainnya bertujuan mempererat lagi tali persaudaraan dan perhubungan di antara negara kita dengan negara-negara asing, lebih-lebih lagi dengan negara-negara Islam. Bukanlah matlamat penubuhan universiti ini untuk mencapai perpaduan dan ketahanan negara tetapi dengan secara tidak langsung faedah-faedah yang negara ini dapat dari perhubungan antarabangsa akan dapat membantu negara ini dalam soal-soal yang ditimbulkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang telah menimbulkan soal alat pengajaran dalam kelas-kelas KBSR yang dikatanya tidak mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahan yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran di kelas-kelas KBSR adalah terdiri daripada bahan guru dan bahan murid. Bahan murid adalah terdiri daripada buku teks dan kit pelajaran. Pada mulanya Kementerian Pelajaran hanya membekalkan satu set kit pelajaran bagi sebuah sekolah tetapi kemudiannya ditambah dan setiap kelas akan mendapat satu set. Kit pelajaran yang dibekalkan ini memang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan semua murid dalam satu-satu kelas, kerana pembekalan kit ini adalah bertujuan untuk dijadikan contoh dan guru-guru dikehendaki memperbanyakkan sebahagian daripada bahan dalam kit itu.

Tugas membina dan menyediakan bahan dan alat mengajar memang adalah salah satu daripada tugas asasi guru. Dalam kursus-kursus latihan guru di Maktab-maktab Perguruan dan juga kursus-kursus orientasi mereka ini diberi pendedahan mengenai cara-cara membina bahan. Lagi pula ia menjadi hasrat Kementerian Pelajaran supaya guru-guru dapat menyedia dan membekalkan alat-alat pelajaran untuk kegunaan pengajaran

dan pembelajaran di dalam kelas masing-masing.

Bagaimanapun Kementerian Pelajaran sedar tentang beratnya beban guru untuk menyediakan bahan-bahan dan alat-alat pengajaran dan pembelajaran. Namun demikian pada masa ini penerbit-penerbit swasta telah menerbitkan pelbagai alat dan kit pelajaran yang boleh dibeli oleh sekolah bagi kegunaannya dalam melaksanakan KBSR.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang juga telah mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang telah mengadakan pensyarah-pensyarah dalam kursus Pendidikan Moral dalam latihan perguruan. Saya mengucapkan terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Pendidikan Moral adalah satu program yang formal dan tidak formal bertujuan menanam dan memupuk nilai-nilai moral universal kepada guru-guru pelatih selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara supaya mereka mempunyai kesedaran dan dapat memberi sumbangan serta mempertingkatkan lagi nilai-nilai moral di kalangan masyarakat. Dalam latihan perguruan asas 3 tahun, kursus Pendidikan Moral disediakan khas untuk guru-guru pelatih bukan Islam dan dijalankan serentak ketika guru-guru pelatih beragama Islam mengikuti kuliah-kuliah Pendidikan U gama Islam.

Nilai-nilai moral yang sama juga telah diserapkan ke dalam kursus Pendidikan U gama Islam. Sejumlah 114 jam telah diperuntukkan untuk kursus ini sepanjang kursus perguruan asas 3 tahun. Di antara objektif-objektif kursus ini ialah untuk membekalkan guru-guru pelatih dengan kemahiran dan pengetahuan mengenai isu-isu moral. Kedua, melengkapi guru-guru pelatih dengan kecekapan yang membolehkan mereka untuk menanam dan memupuk nilai moral ke dalam jiwa kanak-kanak. Ketiga, menghasilkan seorang individu yang menghayati, mengenal dan mempunyai keyakinan dalam prinsip-prinsip asas moral.

Ringkasan nilai-nilai moral yang menjadi asas sukatan pelajaran ialah hormat

menghormati dan kasih sayang, kejujuran, taat setia, kesedaran, kebebasan yang bertanggungjawab, tiada angkuh, keadilan dan persamaan hak, keberanian berasaskan kebenaran, bertanggungjawab, kerjasama, toleransi, flexibility, semangat kemasyarakatan, belas kasihan, kerajinan, kesyukuran dan berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah di sini sahaja bagi saya menghuraikan terhadap beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pelajaran di negara ini. Saya sedar bahawa ada di antara isu-isu yang telah dibangkitkan tidak saya sentuh ataupun huraikan dengan sepenuhnya. Ini tidak bermakna saya tidak mengambil berat terhadap teguran-teguran dan cadangan-cadangan itu. Kementerian saya akan mengkaji segala-galanya yang ditimbulkan dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dengan ini saya sudahi dengan ucapan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam.

4.14 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Perusahaan Awam, saya hanya mempunyai satu perkara sahaja yang hendak diulaskan di sini iaitu mengenai usaha pembangunan semula bandar oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) Yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kawasan-kawasan bandar untuk dibangunkan semula oleh UDA dipilih berasaskan kepada perkara-perkara yang tertentu. Kawasan-kawasan itu selalunya adalah kawasan-kawasan yang sesak dengan bangunan-bangunan yang terlalu buruk. Dengan pembangunan semula secara menyeluruh kegunaan tanah menjadi lebih teratur dan lebih berfaedah dari segi

ekonomi dan sosial. Bangunan-bangunan yang didirikan selalunya adalah lebih selesa dan selamat dari segi keluasan dan pencegahan kebakaran. Dari segi lalu-lintas pula aliran trafik akan lebih teratur dan cepat.

Pembangunan oleh UDA membawa kebaikan juga bagi kawasan sekitarnya yang dimiliki oleh semua pihak termasuk bukan bumiputra. Projek mengakibatkan kenaikan-kenaikan nilai tanah-tanah tersebut dan memulakan proses pembangunan tanah-tanah itu. Saya sedar oleh kerana kesusahan yang menimpa penghuni-penghuni atau penyewa-penyewa sewaktu kawasan yang diambilalih oleh UDA; masa yang mencukupi iaitu melebihi apa yang dikehendaki mengikut undang-undang telah diberikan kepada orang-orang yang terlibat. Pampasan diberi dalam bentuk pemberian kewangan, misalnya bagi projek di Jalan Silang, Kuala Lumpur sebanyak \$404,410 telah diberi kepada penyewa-penyewa. Seberapa yang boleh, Tuan Yang di-Pertua, UDA bekerja dengan Dewan Bandaraya untuk menyediakan tempat-tempat tinggal dan kawasan-kawasan lain sebagai ganti. UDA juga membantu untuk mendapatkan ruang-ruang niaga supaya peniaga-peniaga yang terpaksa berpindah dapat meneruskan perniagaan mereka di tempat-tempat lain.

Sememangnya UDA memberi keutamaan jika terdapat tanah-tanah Kerajaan di kawasan-kawasan strategik untuk dibangunkan dan segala usaha pembangunan UDA adalah mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Kepada lain-lain Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Perusahaan Awam, saya ucapkan terima kasih. Insya Allah semuanya akan diambil perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

4.17 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong beberapa perkara mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya tidak bercadang menjawab satu persatu perkara yang dibangkitkan tetapi Kementerian akan mengambil perhatian kepada segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang disyorkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh soal Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang nampaknya ada kekeliruan di kalangan beberapa orang Ahli. Dasar Kebudayaan Kebangsaan memang ada memperuntukkan lain-lain unsur yang sesuai dan wajar boleh diterima dalam usaha membina kebudayaan di negara kita. Unsur-unsur yang dimaksudkan itu termasuklah unsur-unsur dari masyarakat berbagai suku kaum, unsur-unsur luar seperti Barat, Timur, Arab dan lain-lain asalkan tidak bercanggah dengan nilai-nilai serantau atau nilai-nilai keperibadian Malaysia. Unsur itu memang sudah mengalami perubahan, penyesuaian dan asimilasinya sejak dari dahulu lagi.

Mengenai Tarian Singa pula masalahnya bukanlah pengharaman tetapi sedikit sebanyak kawalan oleh polis atas sebab-sebab keselamatan awam. Di dalam proses melahirkan kebudayaan kebangsaan adunannya bukanlah secara mencampurkan tetapi melalui penerimaan dan penyerapan. Unsur-unsur kebudayaan kebangsaan itu hendaklah dibezakan dengan kebudayaan suku kaum yakni di antara sesuatu yang bersifat rasmi dengan yang tidak rasmi.

Unsur-unsur yang sesuai tentunya akan diterima tanpa disedari pula misalnya material culture yang bersifat universal yang telah kita miliki sekarang. Di dalam sistem pengangkutan, ekonomi, perhubungan dan lain-lain semuanya mempunyai unsur-unsur kebudayaan asing. Perkara yang penting bagi Malaysia ialah ke arah menubuhkan nilai dan norma yang sama yang diterima oleh semua lapisan rakyat sebagai satu bangsa dan budaya.

Saya suka mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi sumbangan dan pendapat yang wajar kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

4.20 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan syor-syor dan cadangan-cadangan yang membina untuk pertimbangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut, dan saya seberapa yang boleh ingin menjawab tetapi jika saya tidak menjawab satu persatu Kementerian saya akan mengambil perhatian seberapa yang boleh atas cadangan-cadangan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar telah mencadangkan supaya barang-barang keluaran negara dikawal mutunya supaya dieksporth ke pasaran luar negeri atau pasaran antarabangsa. Sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dalam perdagangan antarabangsa mutu keluaran adalah satu faktor penting di dalam penentuan penjualan. Lazimnya sebelum sesuatu perjanjian jual beli antarabangsa diikat, pengimport sudah pun menentukan bahawa pengeksport berkesanggupan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan termasuk mutu dan piawaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkhidmatan pemiawaian sekarang ada disediakan oleh SIRIM. Piawaian yang disediakan oleh SIRIM adalah hasil perundingan dan persetujuan dengan sektor-sektor industri, perdagangan dan Kerajaan. Piawaian yang disediakan adalah bertujuan memberikan panduan ke arah memajukan teknologi perkilangan supaya barang-barang buatan Malaysia menjadi setanding mutunya di pasaran tempatan mahupun di pasaran luar negeri. Untuk menjamin bahawa sesuatu

barangan yang dikeluarkan adalah selaras dengan piawaian Malaysia atau lain-lain piawaian yang bersesuaian SIRIM menyediakan "Certification and Quality Assurance". Lesen-lesen dikeluarkan kepada pengilang bagi barangan yang telah dinilai dan diuji serta didapati mempunyai kualiti yang berpatutan dan selaras dengan piawaian yang telah ditentukan oleh SIRIM atau piawaian-piawaian lain. Tanda SIRIM pada setiap barangan yang dilesenkan memberikan 'third parti assurance' bahawa barangan tersebut telah dikeluarkan dengan memenuhi syarat piawaian yang tertentu.

Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa menasihatkan para pengeksport meningkatkan mutu keluaran mereka supaya setanding dengan keluaran negara-negara lain atau bersesuaian dengan piawaian-piawaian yang telah ditentukan oleh pengimport bagi menjamin perkembangan perdagangan eksport yang sihat.

Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan dalam usaha mengurangkan beban kemelesetan ekonomi, Kerajaan hendaklah mengurangkan kadar import barang-barang keperluan yang diimport dan sebagai ganti, negara kita mestilah berusaha mengeluarkannya sendiri. Dalam hubungan ini, perhatian yang berat telah diberikan terhadap kejayaan terutama di bidang barang-barang pengguna di mana kebanyakannya didapati telah dikeluarkan di negara ini. Pada masa yang sama dengan bertambahnya perindustrian, jenis-jenis import ke negara ini telah bertukar corak kepada barang-barang perantaraan (intermediate goods) dan barang-barang permodalan (capital goods) yang dianggapkan lebih penting. Pada masa ini import terhadap jentera dan loji merupakan import yang terbanyak.

Kerajaan akan terus menggalakkan pengeluaran-pengeluaran tempatan terhadap barang-barang penggantian import termasuk barang-barang perantaraan dan barang-barang permodalan terutamanya barang-barang penggantian import yang mempunyai 'backward linkage' serta pengeluaran untuk eksport.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kinta mencadangkan supaya

Kerajaan berusaha mencari pasaran baru selain dari pasaran yang sedia ada bagi membendung tekanan inflasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memanglah menjadi dasar Kementerian saya untuk mempelbagaikan pasaran eksport negara dengan meneroka pasaran-pasaran bukan tradisional di negara-negara membangun termasuk ASEAN, Asia Barat, Afrika dan Amerika Selatan. Di samping itu kita tidak boleh mengabaikan pasaran-pasaran negara-negara maju yang menjadi pasaran utama eksport negara. Oleh yang demikian strategi eksport Kementerian adalah mempelbagaikan pasaran eksport serta mengukuhkan kedudukan pasaran yang sedia ada.

Mengenai seruan Ahli Yang Berhormat supaya kita mencari pasaran-pasaran baru, langkah-langkah telahpun diambil seperti melancarkan rombongan-rombongan perdagangan dan pameran-pameran perdagangan ke negara-negara ASEAN, Asia Barat, Amerika Selatan dan juga Afrika. Selain dari menghantar dan mengatur rombongan-rombongan perdagangan dan pameran-pameran perdagangan, buat masa ini kita mempunyai 11 buah Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan iaitu di Jeddah, Kuwait, Dubai, Seoul, Sao Paulo, Nairobi, Medan, Jakarta, Bangkok, Manila dan Singapura dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi eksport negara ke negara-negara tersebut. Juga dimaklumkan selain dari negara-negara sedang membangun, Kementerian saya juga akan cuba meneroka pasaran-pasaran di negara-negara Sosialis. Buat masa ini terdapat 4 buah Pejabat Perdagangan kita iaitu di Belgrade, Yugoslavia, di Vienna, Austria, di Bucharest, Rumania dan di Moscow, Russia. Sebuah lagi Pejabat Perdagangan akan dibuka iaitu di Peking (Beijing) Republik Rakyat China pada penghujung tahun 1982.

Selain dari usaha-usaha secara unilateral, usaha mempelbagai pasaran eksport juga dijalankan secara multilateral melalui ASEAN dan Organization of Islamic Conference.

Ahli Yang Berhormat dari Labis telah mengingatkan Kerajaan sempena dasar

pandang ke Timur supaya tidak membawa masuk ke negara ini teknologi-teknologi yang telah tidak lagi digunakan di Jepun atau Korea. Dalam hubungan ini memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk menghalang kemasukan teknologi-teknologi usang dari negara-negara lain ke negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam pemberian lesen pengilang kepada pelabur-pelabur, Kerajaan telah memberi garis panduan ke atas pemindahan teknologi. Di mana adalah menjadi satu syarat kepada pelabur-pelabur di dalam sektor perkilangan supaya memasang jentera-jentera moden serta mendapat kelulusan Kementerian saya terhadap sebarang perjanjian mengenai teknologi. Syarat-syarat ini dikenakan bukan sahaja kepada kemasukan teknologi daripada Korea dan Jepun malah kepada semua negara yang mempunyai pelaburan di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah menggesa supaya Kerajaan meningkatkan lagi usaha-usaha memproses bahan-bahan mentah keluaran negara kita dalam usaha menghadapi kemelesetan ekonomi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menggalakkan perindustrian Kerajaan telah sentiasa menekankan penggunaan yang lebih terhadap bahan-bahan tempatan yang banyak terdapat di negara ini. Ini telah dan sedang dilaksanakan sama ada negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi atau sebaliknya.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mencadangkan supaya diadakan pindaan-pindaan ke atas syarat pengecualian lesen di bawah ICA iaitu dengan menambahkan had modal dibayar/saham dibayar daripada \$250,000 kepada \$2 juta dan pekerja sepenuh masa daripada 25 orang kepada 100 orang. Dalam hubungan ini sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat dari Ipoh bahawa Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah membangkitkan isu mengenai pengecualian daripada peruntukan untuk dilesenkan di bawah ICA semasa melancarkan mesyuarat Majlis Penasihat Perindustrian pada 6hb September, 1982.

Yang Berhormat Mulia telah meminta ahli-ahli majlis membuat kajian dengan teliti dan mengemukakan pengesyoran kepada beliau kelak untuk dipertimbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh juga telah membangkitkan masalah pembangunan peniaga-peniaga dan usahawan kecil iaitu untuk mengurangkan sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas usahawan-usahawan kecil seperti dari segi perlesenan, peruntukan tapak-tapak perusahaan dan sebagainya. Dalam hubungan ini Kementerian saya memang memahami masalah-masalah tersebut yang dihadapi oleh usahawan-usahawan kecil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah menjadi tujuan Kementerian saya untuk mencari jalan bagi meningkatkan pembangunan perusahaan kecil di Malaysia. Dengan demikian sektor ini akan dapat memainkan peranan yang lebih aktif lagi di dalam pembangunan ekonomi negara ini sebagaimana yang terdapat di negara-negara maju yang mana sektor perindustrian kecil merupakan penyumbangan utama kepada keluaran kasar negara. Untuk mencapai matlamat tersebut Kementerian saya sedang menjalankan kajian-kajian dan cuba mengambil langkah-langkah perlu untuk membantu sektor perusahaan kecil di dalam semua aspek.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ulasan saya terhadap syor-syor dan pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan-cadangan dan pandangan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian saya di sepanjang

perbahasan atas Titah Ucapan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 11hb Oktober, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan tentang perkhidmatan telefon yang kurang memuaskan di kawasan Baling. Saya akui di sini bahawa masalah tersebut memang wujud. Ini adalah kerana kawasan Baling mempunyai ibusawat auto manual dengan muatan 300 talian. Masalah panggilan keluar atau masuk daripada Baling disebabkan oleh kekurangan litar cawangan trunk and junction circuit berjumlah 24 litar sahaja dan dua daripadanya digunakan oleh Jabatan Telekom negara untuk kegunaan penyeliaan.

Pada masa ini panggilan keluar atau masuk daripada Baling mendapat perkhidmatan stesyen gelombang mikro di Kedah Peak dan dari Kedah Peak dipancar ke ibusawat di Sungai Petani. Walau bagaimanapun, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat untuk mengatasi masalah ini Jabatan Telekom mempunyai rancangan projek di Bukit Palong dan projek ini dijangka siap pada awal tahun 1985. Ini adalah disebabkan jalan masuk ke kawasan stesyen ini masih belum siap. Pembinaan jalanraya adalah di bawah kawalan Jabatan Kerjaraya dan kerja-kerja pembinaan dan pemasangan alat gelombang mikro akan mengambil masa selama dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyakinkan bahawa Kementerian saya sentiasa mengkaji prestasi serta mutu perkhidmatan semua jabatan dan agensi di bawahnya supaya dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing sebagaimana yang diharapkan. Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mencari jalan bagi memastikan projek-projek telekom dilaksanakan dengan lebih cepat lagi. Pada masa yang akan datang beberapa projek telekom akan dijalankan secara turnkey dan di samping itu Kerajaan juga sedang mengkaji peluang memainkan peranan dalam perkembangan telekomunikasi di negara ini. Beberapa perkhidmatan sampingan telekom kini sedang dikaji

kemungkinan untuk diperluaskan lagi kepada sektor swasta. Walaupun negara kita pada masa ini sedang menghadapi keadaan ekonomi yang kurang memuaskan, namun demikian Kerajaan akan terus menggiatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan asas seperti elektrik, telekom dan pos di negara ini. Ini adalah bagi menjamin masa depan jenerasi-jenerasi yang akan datang di mana adanya perkhidmatan sedemikian yang kemas dan lengkap akan dapat membawa kepada suasana pembangunan, kemajuan ekonomi yang cerah di negara ini.

Di samping meninggikan quality hidup rakyat di negara ini terutama sekali kepada rakyat yang tinggal di luar bandar, Kerajaan akan berusaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut bagi memastikan negara kita dapat membangun ke arah perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan terlaksananya strategi-strategi tenaga dan usaha-usaha memperbaiki dan mempermodenkan sistem perhubungan telekomunikasi dan perkhidmatan pos seperti di atas, rakyat akan dapat meninggikan lagi quality hidup yang mana adalah menjadi hasrat Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pertanian.

4.36 ptg.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi perhatian terhadap Kementerian Pertanian. Segala pandangan-pandangan tersebut akan diambil perhatian sewajarnya. Pertama, saya ingin menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jasin mengenai tanaman kelapa dan koko.

Kelapa jika ditanam secara tanaman tunggal memang tidak dapat memberi pulangan yang memuaskan kepada pekebun-pekebun kecil kelapa. Pada masa sekarang pendapatan daripada tanaman tunggal hanya memberikan sebanyak lebihkurang \$454.80

sen atau hektar setahun sahaja. Pendapatan ini adalah jauh lebih kurang daripada pendapatan tanaman selingan kelapa dengan koko iaitu lebih kurang sebanyak \$2,800 satu hektar setahun.

Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil kelapa menukar corak penanaman selingan kelapa dengan koko supaya tanaman koko dianggap sebagai tanaman utama sementara kelapa dianggap sebagai tanaman selingan yang juga memberikan naungan kepada tanaman koko itu.

Pengeluaran kelapa pada masa akan datang hanya untuk memenuhi permintaan tempatan sahaja dan bukan untuk eksport. Bagi maksud itu jenis kelapa yang akan digalakkan bukanlah hanya jenis Mawar yang sesuai untuk keluaran copra sahaja tetapi juga jenis-jenis yang sesuai untuk kegunaan seharian. Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Jelutong berkenaan dengan pengimportan daging halal yang melibatkan daging lembu sahaja mulai 1hb Januari, 1983, ingin saya menegaskan di sini bahawa keputusan ini telah dibuat untuk menghormati agama rasmi negara kita agama Islam yang suci.

Pengimportan daging-daging halal sepenuhnya tidak akan menimbulkan apa-apa kesulitan kepada pengguna-pengguna yang bukan Islam. Dari segi kebersihan saya suka memberi pengakuan bahawa kawalan-kawalan sewajar akan diperbuat untuk menentukan bahawa daging halal yang diimport adalah bersih.

Berhubung dengan rayuan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenggaruh yang menyarankan agar hasil-hasil penyelidikan di dalam bidang pertanian disampaikan kepada para petani, supaya boleh diamalkan oleh petani-petani, sememangnya hasil semua kajian-kajian ini adalah disalurkan kepada Jabatan-jabatan dan agensi-agensi pengembangan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Haiwan dan juga lain-lain untuk disalurkan terus kepada petani-petani dan nelayan-nelayan bagi kegunaan dan amalan mereka.

Tugas MARDI tidak terlibat dalam bidang pengembangan kecuali dalam teknologi-teknologi makanan. Saranan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas yang meminta agar satu kajian serta pelan induk dilakukan bagi memajukan tanah-tanah tinggi di Bahagian Keempat dan Kelima Sarawak untuk tujuan pusat pertanian dan penternakan yang besar akan diambil perhatian.

Walau bagaimanapun Kementerian ada menjalankan kajian kemungkinan bagi dua kawasan di Sarawak iaitu di kawasan Samarahan dan Kalakas Saribas yang meliputi kawasan seluas lebih kurang 220,000 hekters.

Menjawab kepada teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ulu Muda, Kementerian telah pun menubuhkan Pasukan Petugas Pemulihan Tanah Terbiar di peringkat Kementerian dan juga di peringkat Negeri-negeri untuk mengkaji dan merancang pemulihan tanah-tanah tersebut. Laporan yang diterima dari pasukan Petugas Tanah Terbiar Negeri Kedah menunjukkan terdapat sebanyak 111 kawasan-kawasan yang berselerak atau bertaburan di kawasan-kawasan pendalaman. Kawasan-kawasan ini adalah dalam perhatian dan akan dibangunkan menurut potensi masing-masing dari masa ke semasa.

Mengenai Penyakit Merah dan masalah tikus, yang juga ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian melalui pembekalan ubat-ubat racun untuk membasmi penyakit ini dan mengadakan ceramah oleh pegawai-pegawai pengembangan mengenai cara-cara pengguna racun dan juga cara-cara mengelak daripada merebak penyakit-penyakit dan masalah tikus.

Bagi jangka masa panjang petani-petani adalah dinasihati menanam jenis padi yang tahan daripada serangan penyakit. Pihak Jabatan Pertanian juga akan mengadakan satu pasukan pengawasan di kawasan jelapang padi untuk mengenalpasti

permulaan serangan dan mengambil tindakan segera.

Menyentuh tentang harga pasaran hasil-hasil pertanian yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah, Kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan sentiasa meneliti dan mengkaji kedudukan harga hasil-hasil pertanian seperti koko, kopi, kelapa, sayur-sayuran dan lain-lain. FAMA misalnya sentiasa membantu pemasaran cara membeli pada harga yang berpatutan.

Berhubung dengan gesaan Yang Berhormat dari Pontian, Kerajaan sedar bahawa nelayan-nelayan di kawasan itu sering diganggu oleh lanun dan anasir-anasir yang lain. Agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Laut, TLDM dan Jabatan Perikanan telah pun mengetatkan kawalan di kawasan itu. Menyentuh tentang kegiatan Pukat Haram pula, Yunit Penguatkuasaan Jabatan Perikanan telah pun menambahkan rondaan-rondaan di kawasan itu.

Mengenai teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah, dalam meningkatkan lagi pendapatan dan nilai hidup para nelayan Kementerian Pertanian telah merangka satu pendekatan baru di mana Pusat-pusat Pembangunan Nelayan akan ditubuhkan. Satu banciaan penduduk akan dilakukan ke semua kawasan-kawasan ini untuk mendapatkan maklumat secara menyeluruh atas kedudukan sosio ekonomi mereka. Pusat-pusat Pembangunan Nelayan ini akan dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan semua input-input pembangunan untuk nelayan akan disalurkan melalui pusat-pusat ini. Setakat ini Kementerian telah mengenalpasti sebelas kawasan di seluruh negara untuk dijadikan Pusat-pusat Pembangunan Nelayan dan tiga darinya akan bermula menjelang akhir tahun ini. Tempat-tempat tersebut ialah Besut di Terengganu, Yan di Kedah dan Mersing di Johor.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran-teguran yang membina.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

4.44 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara yang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian saya sepanjang perbahasan mengenai titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu, suka saya jelaskan di sini bahawa percubaan untuk mengeluarkan diesel dari minyak kelapa sawit telah dijalankan oleh penuntut-penuntut Universiti Malaysia dalam tahun 1980. PORIM juga senang membuat kajian lanjut tentang penggunaan diesel daripada minyak kelapa sawit. Hasil dari kajian-kajian yang telah dijalankan secara teknikal, penukaran minyak kelapa sawit kepada minyak diesel memang boleh dilakukan. Walau bagaimanapun, penggunaan minyak kelapa sawit untuk penggunaan diesel adalah bergantung kepada harga minyak kelapa sawit dan juga harga minyak mentah petroleum. Masa kini penggunaan minyak kelapa sawit sebagai input untuk mengeluarkan diesel belum lagi ekonomik.

Tuan Yang di-Pertua, Instituit Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit (PORIM) kini sedang berusaha mencipta suatu bentuk galah dan pisau pemetik yang sesuai untuk kegunaan memetik buah-buah kelapa sawit. Galah ini yang dibuat daripada aluminium, adalah lebih ringan daripada galah buluh. Dengan yang demikian, adalah diharapkan bahawa usaha ini akan dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh terutamanya dari segi pemetikan buah kelapa sawit dari pokok-pokok tinggi.

Setakat ini hampas dan pelepah kelapa sawit masih belum digunakan dengan berfaedah secara meluas di dalam industri

kelapa sawit. Walau bagaimanapun, berasaskan kepada penyelidikan awal yang telah dijalankan, bahan-bahan buangan kilang kelapa sawit mempunyai potensi menghasilkan gas "methane" bagi mengeluarkan tenaga letrik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang yang meminta supaya bahan-bahan utama negara ini dapat diproses sepenuhnya di dalam negeri agar pasaran bahan-bahan utama tersebut tidak bergantung kepada sektor pengilangan luar negeri. Sukacita saya memaklumkan bahawa bagi minyak kelapa sawit, 95% pengeluaran telah diproses dan juga lebih daripada 90% pengeluaran kayu balak di Semenanjung Malaysia adalah dalam bentuk yang diproses. Berkenaan dengan pemerosesan getah tempatan, kemajuan baik telah dicapai dan pada masa sekarang lebih kurang 68,000 tan getah asli adalah digunakan. Walaupun jumlah getah yang diproses tersebut masih rendah dibandingkan dengan jumlah pengeluarannya. Kerajaan mempunyai matlamat untuk meningkatkan pemerosesan getah kepada 300,000 tan dalam tahun 1990. Bagi logam timah selain daripada penggunaan dalam pewter dan pateri (soldering) Kerajaan juga baru-baru ini menubuhkan kilang untuk mengeluarkan "plate" timah.

Oleh kerana Malaysia mempunyai penduduk yang kecil bilangannya, bahan-bahan yang diproses itu haruslah dieksport. Oleh yang demikian Kerajaan sedang berusaha untuk mendapatkan pengurangan beberapa tarif dan buktantarif yang masih dikenakan oleh negara-negara pengguna terhadap import bahan-bahan yang diproseskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu juga ada menyentuh tentang percubaan mengeluarkan minyak dari biji getah dan teknologi baru bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh di sektor getah. Sukacita dijelaskan di sini bahawa berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan oleh RRIM (Institusi Penyelidikan Getah Malaysia) pengeluaran minyak seperti untuk kegunaan dalam industri cat, sememangnya boleh didapati dari biji-biji

getah. Walau bagaimanapun, oleh kerana masalah-masalah tertentu seperti masalah logistik dan keupayaan mendapatkan biji-biji getah dengan secukupnya terutamanya biji-biji getah tersebut hanya didapati pada masa yang tertentu sahaja maka didapati sukar bagi biji-biji getah ini dikeluarkan secara komersial. Mengenai teknologi baru ini bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh usaha-usaha ke arah itu sentiasa dijalankan di RRIM. Teknik torehan "puncture" (puncture tapping) misalnya, walaupun belum lagi dilaksanakan secara komersial tetapi penyelidikan asal menunjukkan ianya dapat menggunakan buruh yang tidak mahir tidak seperti dalam torehan biasa. Di samping itu usaha juga sentiasa dibuat memperkenalkan alat-alat menoreh dan pungutan latex yang "mchanised". Dalam hubungan ini alat-alat menoreh yang "mchanised" termasuklah dari jenis "prototypes" sedang diuji bagi memperbaiki lagi alat-alat supaya ianya lebih mudah, ringkas dan effisyen.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha-usaha untuk mendapatkan getah lain dari sumber lain selain dari pokok getah, sukacita saya menjelaskan di sini bahawa pengeluaran getah dari pokok getah (Heave) adalah yang paling tinggi berbanding dengan pokok-pokok lain seperti Guayule yang ditanam di Mexico dan beberapa tempat di Amerika. Berdasarkan kepada iklim di Malaysia didapati pokok getah jenis yang ditanam sekarang adalah yang paling terbaik dan dengan itu usaha-usaha untuk mendapatkan getah dari lain-lain sumber didapati tidak ekonomik. Di samping itu pula pihak Kerajaan melalui Institusi Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) telah menjalankan usaha-usaha penyelidikan bagi menghasilkan benih-benih yang bermutu yang sudah pun dibuktikan secara komersial. Walau bagaimanapun, institusi Penyelidikan Getah Malaysia sentiasa meneliti perkembangan lain-lain jenis getah terutama dari segi hasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, manakala perkara yang dikaitkan dengan habuk kayu pula Instituti Penyelidikan Perhutanan ada membuat penyelidikan bagi menghasilkan

“wood briquettes” di mana habuk-habuk kayu dijadikan bongkol-bongkol bagi digunakan sebagai bahan api.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Matang ingin mengetahui sama ada Kerajaan Pusat memberi royalti bijih timah sebanyak 2% sahaja dan tidak 10% seperti dipersetujui kepada Kerajaan Negeri Perak. Dalam perkara ini sukalah saya jelaskan bahawa Kerajaan Pusat adalah dikehendaki menyerahkan 10% daripada cukai eksport timah kepada negeri-negeri yang mengeluarkan bijih timah sebagaimana yang termaktub di bawah Fasal 3 Perkara 110 Perlembagaan Persekutuan dan ini telah sedia diamalkan pada masa sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menyentuh tentang 2 perkara:

- (a) Masalah buruh dan penyaluran hasil-hasil penyelidikan kepada pekebun-pekebun kecil.
- (b) Kesan keadaan harga getah yang merosot ke atas pekebun-pekebun kecil.

Mengenai masalah buruh, suka saya nyatakan bahawa perkara ini telah pun lama menjadi perhatian pihak Kerajaan. Usaha-usaha penyelidikan sedang giat dijalankan bagi menggunakan teknik-teknik baru dalam penorehan getah yang dapat menjimatkan tenaga buruh. Ini termasuklah sebagaimana saya sebutkan tadi alat-alat torehan “mechanised” dan pungutan susu getah secara “mechanised”.

Mengenai pengeluaran hasil-hasil penyelidikan, ingin saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Instituti Penyelidikan Getah Malaysia menjalankan penyelidikan ke atas hasil getah. Hasil-hasil penyelidikan ini apabila didapati sesuai akan disediakan kepada pihak RISDA untuk disalurkan kepada pekebun-pekebun kecil melalui usaha-usaha perkembangan RISDA.

Menyentuh tentang kesan keadaan harga getah yang merosot, terhadap pekebun-pekebun kecil ingin saya jelaskan bahawa Kerajaan amnya dan Kementerian saya khususnya, telah, sedang dan akan sentiasa mengikuti perkembangan mengenai kenaikan

dan kejatuhan harga bahan-bahan utama yang kita hasilkan, khususnya getah. Menerusi Perjanjian Getah Asli Antarabangsa di mana Malaysia ialah manggotainya dengan pengwujudan Sistem Stok Penimbal, harga getah telah dapat distabilkan setidak-tidaknya ke satu paras yang munasabah. Di samping itu, Persatuan Pengeluar-pengeluar Getah Asli (ANRPC) juga sentiasa mengadakan perundingan-perundingan dan tindakan-tindakan tertentu untuk menjamin keutuhan industri getah dan untuk menentukan kepentingan pengeluar-pengeluar getah asli akan dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat negara kita sendiri, Kerajaan menerusi MARDEC dan RISDA dan pihak swasta juga telah, sedang dan sentiasa mengawasi keadaan industri getah kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan komen-komen dan cadangan-cadangan terhadap Kementerian saya, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

4.53 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan masalah-masalah tentang perkhidmatan perubatan dan kesihatan di dalam perbahasan atas Titah Ucapan Diraja baru-baru ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu telah membuat teguran tentang perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk-penduduk di sana, bahawa kelengkapan peralatan perubatan tidak sempurna. Sukacita saya memaklumkan bahawa sebelum beliau menjadi Wakil rakyat lagi, Kementerian Kesihatan telah pun mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan di Hospital Besar, Sibu, yang mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang cukup untuk memberi perkhidmatan rawatan perubatan kepada

penduduk-penduduk di sana. Hospital ini mempunyai pakar-pakar dalam disiplin asas. Walaupun tidak terdapat seorang pakar otopidik pada masa ini, saya harus menjelaskan bahawa kes-kes otopidik boleh juta dirawat oleh Pakar Pembedahan biasa.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang telah membuat teguran tentang pesakit pesakit yang menunggu untuk menjalani pembedahan di Hospital Besar Kota Bharu. Sukacita saya menjelaskan bahawa kes-kes biasa terpaksa menunggu lebihkurang sebulan sebelum dapat menjalani pembedahan, tetapi kes-kes kecemasan akan dibedah dengan serta-merta. Hospital Besar Kota Bharu adalah dilengkapkan dengan pembedahan setiap bulan dan ini termasuklah kira-kira 180 kes-kes yang serius. Masa menunggu ini tidak dapat dielakkan oleh kerana kebanyakan kes memerlukan pembedahan. Hospital Besar di Kota Bahru adalah dilengkapkan dengan peralatan yang moden. Walau bagaimanapun, sebuah hospital besar baru sedang dibina di Kubang Kerian. Adalah diharapkan bahawa dengan adanya hospital besar tersebut, penduduk-penduduk di Kelantan khususnya akan memperolehi rawatan yang lebih sempurna lagi dalam masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah membangkitkan masalah tentang gaji dan syarat-syarat perkhidmatan untuk Pegawai-pegawai Perubatan dan meminta supaya syarat-syarat tersebut diperbaiki. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas cadangan ini. Kementerian Kesihatan sememangnya telah mengambil langkah-langkah dari masa kesemasa untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan doktor-doktor yang berkenaan. Saya jua suka menjelaskan bahawa struktur gaji doktor-doktor sekarang ialah sebahagian daripada struktur gaji keseluruhannya yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji yang telah diterima oleh Kerajaan untuk dilaksanakan. Walaupun Kementerian Kesihatan sedar tentang hasrat Pegawai Perubatan supaya gaji permulaannya harus ditingkatkan lagi, apa-apa perubahan kepada

tanggagaji ini akan melibatkan juga struktur gaji untuk pegawai-pegawai iktisas yang lain.

Kementerian Kesihatan telah mengadakan perundingan dengan sekumpulan doktor, yang menyatakan mereka mewakili doktor-doktor lain, melalui satu jawatankuasa yang dinamakan "Section Concerning House Officers, Medical Officers and Specialists of the Malaysian Medical Association" (SCHOMOS) Dengan perhubungan ini kita mendapatkan dengan lebih lanjut lagi tentang apakah hasrat doktor-doktor perubatan, khususnya mereka yang baru sahaja tamat latihan dari universiti. Di mana Kementerian boleh mengambil langkah untuk memperbaiki kedudukan doktor-doktor tersebut, ianya telahpun diambil. Ini termasuklah menambahkan bilangan siswazah untuk latihan lanjutan dan jua bilangan jawatan untuk memberikan peluang kenaikan pangkat. Saya sedar bahawa urusan kenaikan pangkat bagi Sabah dan Sarawak telah lambat sedikit oleh kerana kadangkadangkanya sukar hendak mendapatkan maklumat-maklumat yang lengkap dari negeri-negeri tersebut. Walau bagaimanapun, langkah-langkah menguruskan perkara ini sedang diambil.

Malangnya baru-baru ini ada satu golongan dengan tidak rasminya telah mengedarkan surat-surat layang atas nama doktor-doktor perubatan Kerajaan, yang meminta pegawai-pegawai perubatan yang lain mengambil cuti rihat sehari pada 11hb Oktober, 1982 sempena pembukaan rasmi persidangan Parlimen. Surat-surat layang ini tidak ditandatangani oleh mana-mana pihak dan Kementerian ini tidak pasti sama ada surat-surat layang diedarkan benar-benar oleh pegawai-pegawai perubatan ataupun tidak. Walau bagaimanapun, pendedarannya sedang disiasat dan saya telah mengarahkan pegawai-pegawai Kanan Kementerian supaya sentiasa mengadakan perhubungan dengan rasminya dengan doktor-doktor perubatan untuk mengelakkan salah faham berkaitan dengan peranan masing-masing.

Tentang kekurangan doktor yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang saya berharap Dewan yang mulia ini

mengambil ingatan bahawa di dalam beberapa rancangan pembangunan yang lepas, perkhidmatan perubatan dan kesihatan telah berkembang dengan pesatnya. Bilangan doktor dalam perkhidmatan perubatan pada tahun 1957 iaitu tahun kemerdekaan negara ialah 471 orang sahaja dalam perkhidmatan Kerajaan. Setakat ini kita mempunyai 1,966 orang doktor dalam perkhidmatan Kerajaan kita. Ini menunjukkan bahawa bilangan doktor telah berlipatganda dalam perkhidmatan Kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat doktor-doktor yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan untuk membuka klinik mereka sendiri ataupun untuk bekerja dengan hospital-hospital persendirian. Sebagai sebuah Kerajaan demokratik, kita tidak boleh menghalang doktor-doktor dari berbuat demikian. Kementerian Kesihatan telah mendapatkan kerjasama universiti-universiti tempatan supaya menambah pengambilan penuntut-penuntut dalam Fakulti Perubatannya. Setakat ini Universiti Malaya mengambil 160 orang penuntut setiap tahun, Universiti Kebangsaan 178 penuntut dan Universiti Sains Malaysia, 95. Ini bermakna dalam masa akan datang, kita mendapat lebih dari 400 orang doktor dari Fakulti Perubatan tempatan sahaja. Dengan itu adalah diharapkan kekurangan doktor yang dialami sekarang ini boleh diatasi sedikit demi sedikit, dengan mengambil kira jua doktor-doktor yang akan pulang selepas mendapatkan ijazah dari luar negeri.

Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan cadangan-cadangan dalam perbahasan ini berhubung dengan perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Saya berharap akan dapat mengambil tindakan atas semua cadangan ini di mana wajar.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.03 *ptg.*

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli

Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara untuk Kementerian saya semasa perbahasan Titah Ucapan Di Raja oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat dari Sibu dan Yang Berhormat dari Bukit Mas telah berusaha untuk membangkitkan perkara-perkara tentang kelengkapan kebombaan di Sibu, Terusan Lawas dan Limbang. Saya ingin menyatakan di sini bahawa setakat ini alat-alat kebombaan yang digunakan oleh Perkhidmatan Bomba di Sarawak adalah memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebelum Perkhidmatan Bomba Sarawak diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan 10 bulan yang lalu, memang terdapat kekurangan alat-alat dan masalah pentadbirannya. Kian telah dibuat untuk meningkatkan taraf kecekapan. Langkah-langkah yang diambil ialah:

1. Menubuhkan Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba Cawangan Negeri Sarawak untuk mentadbir Perkhidmatan Bomba Seluruh Sarawak.
2. Melatih anggota-anggota bomba yang lama yang dipercayai tidak mendapat latihan kebombaan secukupnya pada masa yang lampau.
3. Mewujudkan jawatan-jawatan tambahan selaras dengan formula yang digunakan di Semenanjung Malaysia.
4. Menambah alat-alat kelengkapan kebombaan dan jentera-jentera bomba.

Setakat ini Penubuhan Ibu Pejabat Cawangan Negeri Sarawak telah dilaksanakan, di samping mengendalikan latihan-latihan di Kuching, Sarawak. Mengenai pengwujudkan jawatan-jawatan tambahan tidak dapat dilaksanakan sekarang atas dasar jimat cermat Kerajaan. Walau bagaimanapun, tambahan alat-alat kelengkapan kebombaan dan jentera-jentera bomba sedang diuruskan untuk kegunaan di tempat-tempat mendesak seperti Binatang dan Sarikei.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan petang semalam oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang tentang adanya kilang-kilang haram, saya ucapkan terima kasih atas daya usahanya. Kementerian saya sedar bahawa ada kilang-kilang yang berjalan secara haram. Kementerian telah berhubung dengan penguasa-penguasa tempatan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kilang-kilang tersebut. Ingin juga saya memperkatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua bahawa adalah sukar bagi penguasa-penguasa tempatan untuk mengesan kilang-kilang haram ini tanpa kerjasama dari orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara untuk Kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am.

5.06 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dikemukakan dalam Dewan ini ketika membahaskan Titah Ucapan Di-Raja.

Atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keluang, saya sukacita memaklumkan bahawa Kementerian saya pada ketika ini sedang mengelolakan 4 buah pusat pemulihan dadah iaitu Pusat Pemulihan Dadah Kuala Kubu Bahru, Tampoi, Bukit Mertajam dan Besut yang boleh menempatkan seramai 590 orang penagih. Ubahsuai yang telah dibuat, keupayaan pusat-pusat pemulihan ini akan bertambah mulai tahun hadapan dan boleh memberi rawatan kepada 1,030 penagih. Untuk menambah lagi pusat pemulihan ini sebuah pusat pemulihan dadah di Sungai Petani sedang dibina dan dijangka akan siap pada penghujung tahun 1983. Pusat ini akan menampung seramai 300 orang lagi penagih dadah.

Mengenai perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang, sukacita saya menerangkan adalah menjadi dasar Kementerian saya menggalakan masyarakat turut serta dalam berbagai kerja sukarela sama ada secara bersendirian terutama sekali melalui pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan sukarela. Tidak dapat dinafikan bahawa pertubuhan-pertubuhan sukarela yang ada di negara kita ini telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat. Sebab itu Kerajaan sentiasa menimbangkan bantuan kewangan mengikut keadaan sesuatu masa kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela ini.

Selain dari bantuan kewangan, Kementerian saya juga memberi bimbingan kepada mereka sekiranya dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setia Usaha Parlimen Kementerian Luar Negeri.

5.08 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak langsung menyentuh soal-soal yang berkait dengan Kementerian Luar Negeri. Mungkin ini membuktikan bahawa tekanan dasar luar negeri serta style perlaksanaannya di bawah pentadbiran 2M seperti yang terdapat sekarang ini mendapat restu serta sambutan hangat dari Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita sedia maklum sering diperkatakan bahawa pentadbiran dalam negeri kita sekarang ini dilaksanakan mengikut pimpinan secara contoh (leadership by example) maka begitulah juga dalam pelaksanaan dasar luar negeri Malaysia yang mana kita sedang membuktikan hasrat kita itu dengan berbagai-bagai tauladan atau dalam ertikata yang lain, kita sedang mengkotakan apa yang kita katakan.

Jika Malaysia mahu dan sering menyeru bahawa negara-negara maju patut membantu negara-negara yang kurang maju maka kita sedangpun memajukan hasrat kita itu dengan bertindak demikian, misalnya ikhtiar kita membantu negara-negara kecil di Pasifik Selatan. Jika negara kita mahu dan sering menyeru agar negara-negara Islam yang kaya membantu negara-negara Islam yang miskin maka kita juga sedang membuktikan keikhlasan kita ini dengan membantu serius dan berkesan sebuah negara Islam yang tersangat mundur nun jauh di Padang Pasir Sahara iaitu negara Mali. Begitu juga jika Malaysia mahu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkesan dalam melaksanakan keputusan-keputusannya maka kita sanggup menyokongnya dengan berbagai bantuan dan pengorbanan, misalnya kesanggupan kita menghantar satu batalion askar sehingga jauh ke Selatan Benua Afrika untuk membantu dalam ikhtiar memerdekakan rakyat dan negara Namibia. Kesemuanya ini dan berbagai-bagai lagi sumbangan dan pengorbanan kita terhadap kesejahteraan rakyat seluruh dunia sedangpun kita tunaikan sungguhpun kita dalam kesusahan akibat kemelesetan ekonomi dunia. Kesanggupan kita ini adalah berasaskan penuh kesedaran bahawa dalam ekonomi dunia moden ini kita tidak boleh hidup secara berasingan tetapi nasib kita adalah saling bergantung dengan kesejahteraan dan kemajuan negara-negara lain dan juga di atas penuh kesedaran bahawa sebagai umat manusia kita perlu tolong menolong di antara satu dengan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, maka saya ingin menyentuh tiga perkara yang perlu diberi sedikit penjelasan.

Pertamanya, teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang membantah di atas beberapa kumpulan yang bertindak memulaukan barang-barang keluaran Amerika. Dalam hubungan ini ingin saya menyatakan bahawa jika ditinjau dari konteks sikap Amerika Syarikat yang telah membolehkan kezaliman, kekejaman serta keangkuhan kuasa Yahudi berleluasan serta berterusan di Timur Tengah, maka kita boleh faham di atas kemarahan rakyat Malaysia itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pontian pula telah memberi pandangan bahawa ramai penuntut-penuntut kita di luar negeri adalah bersikap anti Kerajaan dan beliau merasakan bahawa sebab utamanya adalah oleh sebab mereka ini kurang mendapat penerangan mengenai keadaan-keadaan dalam negeri kita.

Saya ingin menyatakan bahawa bukanlah satu perkara yang mudah untuk menyampaikan penerangan kepada kesemua berpuh-puluh ribu penuntut kita di luar negeri itu. Kalaupun kita dapat memberi penerangan ini, maka bukanlah semua yang mahu menerima kerana kita juga sentiasa terdapat anasir-anasir lain yang sedang giat memainkan peranan untuk memesongkan pemikiran penuntut-penuntut ini, sedangkan dalam negara kita sendiri sekalipun dan dengan adanya berbagai-bagai jentera penerangan, kita juga tidak dapat memberi penjelasan yang secukupnya dan yang berkesan kepada seluruh rakyat. Namun demikian, dalam beberapa bulan yang sudah pihak Kementerian Luar Negeri khususnya Bahagian Penerangan Luarnya telah pun membuat sesuatu kajian yang mendalam serta menyeluruh mengenai sistem penyebaran penerangan kita di luar negeri. Kajian ini adalah berlandaskan tiga perkara yang pokok:

- (i) mengenai sasaran penerangan yang hendak tujuan.
- (ii) mengenai bentuk dan rupa penerangan yang hendak diberi.
- (iii) cara penyebaran penerangan ini dibuat supaya ianya dapat disampaikan dalam masa sesingkat-singkatnya dan dengan cara yang berkesan.

Persediaan-persediaan sudah pun dibuat supaya sistem penerangan luar negeri kita itu dirombak dan diubahsuai dan insya Allah kita berharap ianya akan lebih berkesan pada masa-masa hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin pula telah memperingatkan kita supaya ikhtiar kita untuk mencari penyelesaian mengenai soal

Kampuchea mendapatkan sokongan dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, agar jika Vietnam memusuhi ASEAN pula, maka ianya tidak akan dapat sokongan dari negara-negara lain. Ingatan ini memanglah kena pada tempatnya, tetapi sukacita saya menyatakan bahawa segala ikhtiar ASEAN untuk mencari penyelesaian mengenai soal Kampuchea adalah dibuat menerusi dan dengan restu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kita bernasib baik dalam perkara ini kerana sebahagian besar negara-negara dalam dunia ini serta sebahagian besar opinion antarabangsa untuk pencerobohan serta penalokan tentera asing terhadap negara Kampuchea. Oleh itu ASEAN akan tetap bertindak mengikut desakan perasaan serta hasrat dan opinion antarabangsa dan ini sebagaimana yang telah dirakamkan dalam Peristiharan Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea ataupun apa yang dikenali umum sekarang ini sebagai I.C.K. Declarations. Di antara desakan-desakan pokok perisytiharan ini adalah:

- (i) minta pengunduran tentera asing dari negara Kampuchea;
- (iii) jaminan antarabangsa bahawa Kampuchea akan tetap merupakan sebuah negara yang benar-benar berkecuali.
- (ii) pemulihan sebuah Kerajaan baru oleh rakyat Kampuchea dalam keadaan bebas dan tanpa tekanan dari mana-mana pihak dengan dikendalikan pula oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu; dan

Dalam hubungan ini penubuhan Kerajaan campuran yang diketuai oleh Putra Norodom Sihanouk merupakan satu langkah penting ke arah ini dan dengan adanya pula sokongan kuat yang kian meningkat terhadap Kerajaan baru ini, maka insya Allah kita rasakan sesuatu penyelesaian mengikut hasrat antarabangsa tadi dapat dicapai dalam masa sesingkat-singkatnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

5.16 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan pendapat terhadap Kementerian saya semasa perbahasan Titah Ucapan Di Raja di pembukaan rasmi Parlimen Keenam ini pada 11hb Oktober yang lalu. Dengan adanya pandangan, teguran dan pendapat yang membina itu, dapatlah Kementerian saya menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan lagi. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah membangkitkan mengenai bas-bas pelancungan yang selalu menggunakan perhentian-perhentian bas ekspres; sukacita saya menyatakan bahawa hanya sebilangan kecil sahaja bas-bas pelancungan yang menggunakan perhentian bas di Hentian Pudu Raya. Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya Kementerian Pengangkutan mengadakan perhentian khas untuk bas-bas pelancungan, Kementerian ini tidak bercadang mengadakan perhatian tersebut kerana bas pelancungan ini dilesenkan dengan syarat-syarat tertentu khasnya mengambil pelancung-pelancung ke tempat-tempat tertentu sahaja. Perbuatan bas-bas pelancungan yang mengambil penumpang-penumpang bas ekspres adalah melanggar syarat dalam lesen yang dikeluarkan. Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap bas-bas berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada tahun 1981, Jabatan Pengangkutan Jalan telah mendapati 224 kes kesalahan yang dilakukan oleh bas-bas persiaran kerana digunakan sebagai ekspres haram. Bagi tahun ini, sehingga

bulan September terdapat sebanyak 45 kes. Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengesyorkan kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan supaya mengambil tindakan ke atas 123 permit bas persiaran. Antaranya ialah untuk membatalkan 45 lesen bas persiaran kerana telah melakukan lebih dari 10 kesalahan tiap-tiap satu; 17 lagi disyorkan digantung selama dua bulan kerana melakukan kesalahan di antara 6-9 kes tiap-tiap satu; sebanyak 17 lagi juga disyorkan digantung selama sebulan kerana melakukan kesalahan di antara 3-5 kes tiap-tiap satu dan 44 kes lagi disyorkan diberi amaran kerana hanya melakukan kurang dari tiga kesalahan tiap-tiap satu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah mendakwa bahawa pihak Jabatan Pengangkutan Jalan ada menahan kenderaan-kenderaan yang mana terdapat tulisan Cina di badan kenderaan itu apabila kenderaan tersebut dibawa untuk tujuan pemeriksaan. sukacita saya memaklumkan bahawa pihak Jabatan Pengangkutan Jalan tidak pernah mengarahkan supaya pegawai-pegawainya menahan pemilik-pemilik kenderaan dan meminta mereka memadam tulisan-tulisan Cina di badan-badan kenderaan yang berkenaan. Sebenarnya apa yang diarahkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan semasa pemeriksaan ialah tulisan di badan-badan kenderaan itu hendaklah di dalam Bahasa Malaysia, akan tetapi tulisan dalam bahasa-bahasa lain dibenarkan juga ditulis dengan syarat ianya hendaklah ditulis di bawah tulisan Bahasa Malaysia dan hurufnya kecil daripada huruf dalam Bahasa Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dibenarkan menahan dan memeriksa semua jenis kenderaan yang bergerak di atas jalan raya. Penahanan tersebut bermaksud untuk memeriksa pemandu dan kenderaan supaya mematuhi undang-undang yang terkandung dalam Ordinan Lalu lintas, 1958. Di dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan tersebut, Pegawai-pegawai Penguatkuasa dikehendaki menggunakan budibicara

masing-masing supaya apa-apa tindakan yang diambil itu tidak menyusahkan pemandu-pemandu kenderaan yang lain yang tiada melakukan apa-apa kesalahan lalulintas.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam juga ada membangkitkan bahawa pegawai-pegawai JPJ ada menahan lori dan memeriksa lesen-lesen tanpa alasan yang menasabah. Untuk makluman beliau Pegawai-pegawai Penguatkuasa termasuk Penolong-penolong Pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan adalah dibenarkan di bawah Seksyen 48, Ordinan Lalu lintas, 1958 memeriksa semua jenis lesen-lesen memandu seseorang pemandu kenderaan. Dalam urusan ini, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan hanya akan menahan lesen-lesen pemandu untuk tujuan siasatan lanjut jika didapati pemandu-pemandu yang berkenaan telah melanggar kaedah-kaedah dan Seksyen-seksyen Ordinan Lalu lintas, 1958. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan selanjutnya di bawah Seksyen 133 (4), Ordinan Lalu lintas, 1958 diberi kuasa menggantung dan memansuhkan lesen-lesen memandu kenderaan perdagangan seseorang pemandu jika didapati beliau melakukan kesalahan dan tiada sesuai memilikinya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya menegaskan bahawa semua Pegawai-pegawai Pengangkutan Jalan, khususnya Pegawai-pegawai dan Penolong-penolong Pegawai Penguatkuasa, adalah diarahkan supaya menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh timbangrasa dan tanggungjawab serta menggunakan budibicara supaya tidak menyusahkan orang-orang ramai dan di samping itu mencerminkan dasar Kerajaan yang mengamalkan konsep Bersih, Cekap dan Amanah.

Berhubung dengan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu supaya JPJ mengkaji kemungkinan bas-bas di luar bandar menggunakan tempat duduk jenis bangku kayu sesuai dengan kedudukan ekonomi luarbandar, adalah dimaklumkan bahawa setakat ini Kementerian saya belum ada cadangan untuk berbuat demikian. Bas-bas, sama ada berkhidmat di luar ataupun di

dalam bandar, dikehendaki menyediakan tempat duduk yang selesa dan berkusyen untuk para penumpang, iaitu selaras dengan peraturan dalam Ordinan Lalu lintas, 1958 Seksyen 65 (4) yang berbunyi seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

“All passenger seats on vehicles shall provide an adequate degree of comfort with suitable padded seat cushions and suitably padded back rests, and in the case of an express bus a suitably padded head rest shall be fitted along the top edge of the back rest on each seat, and a firmly fixed and a suitably padded arm rests shall be fitted and positioned in a manner that will ensure that passengers will not be unduly discomforted by lateral sway of the vehicle”.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas yang menyatakan bahawa pramugari dan pramugara di dalam penerbangan MAS telah sengaja bertutur dalam bahasa asing apabila melayan penumpang-penumpang, suka saya menjelaskan bahawa anak-anak kapal adalah digalakkan bertutur dalam Bahasa Malaysia, akan tetapi di samping itu bagi penerbangan antarabangsa anak-anak kapal adalah dibenarkan bertutur dalam bahasa asing, ini adalah sesuai dengan taraf MAS sebagai sebuah Syarikat Penerbangan Antarabangsa. Bagi penerbangan dalam negeri anak-anak kapal kadangkala perlu bertutur dalam bahasa asing dengan penumpang-penumpang dari negara luar.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul untuk mewujudkan sebuah syarikat penerbangan yang baru untuk mengendalikan perkhidmatan udara dalam negeri, Kerajaan berpendapat bahawa pada masa ini tidak ada keperluan untuknya. Perkhidmatan udara dalam negeri akan terus dikendalikan oleh MAS dan Kerajaan akan sentiasa memastikan bahawa perkhidmatan yang diberi adalah memuaskan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan soal kelewatan penerbangan MAS. Kejadian kelewatan MAS tidaklah dapat dielakkan kerana disebabkan beberapa

faktor yang tidak dapat dikawal seperti cuaca yang kurang baik dan kerosakan teknikal kepada pesawat. Bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengawasi kejadian-kejadian seperti ini dan usaha-usaha sentiasa diambil dari semasa ke semasa untuk mengelakkan berlakunya kelewatan dan memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan udara dalam negeri.

Mengenai pesawat-pesawat MAS pula, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa adalah tidak benar pesawat-pesawat MAS telah usang dan out of date. Semua pesawat-pesawat MAS yang digunakan seperti Fokker 27 dan Boeing 737 adalah berumur tidak lebih daripada 9 tahun, secara purata life span pesawat biasanya ialah 15 tahun tetapi sekiranya ianya diselenggarakan dengan baik ia masih boleh digunakan walaupun lebih dari tempoh tersebut. Bagi perkhidmatan-perkhidmatan luar bandar, pihak MAS telah pun menggunakan pesawat Twin Otter untuk menggantikan BN-2. Selain dari itu MAS sentiasa memastikan ianya mempunyai fleet yang reliable dan moden. MAS baru-baru ini telah pun membeli dua buah pesawat Boeing 747.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa MAS tidak mempunyai juruteknik-juruteknik di lapangan-lapangan terbang Sabah dan Sarawak. Mengikut keperluan jurutera kapal terbang yang berlesen (licensed aircraft engineer) dan juga juruteknik-juruteknik adalah ditempatkan di beberapa lapangan-lapangan terbang di Sarawak. Kadangkala pesawat dan komputer lambat diperbaiki disebabkan tidak mempunyai alat gantian di lapangan-lapangan terbang tersebut dan alat gantian yang dikehendaki perlu dihantar dan pesawat setor MAS di Kuala Lumpur ke lapangan terbang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

Mengenai kekurangan pegawai dan kakitangan serta alat-alat di lapangan terbang Sarawak, saya ingin memaklumkan bahawa MAS mempunyai pegawai dan kakitangan

serta alat-alat yang cukup untuk mengendalikan perkhidmatan di lapanganterbang tersebut. Bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa mengawasi kedudukan dan sekiranya perlu tindakan akan diambil untuk menambahkan kakitangan dan memperuntukkan alat-alat moden. Kesesakan yang berlaku kadangkala di waktu-waktu tertentu (peak hours) tidak dapat dielakkan. Untuk tujuan memperbaiki perkhidmatan kargo dan mengelakkan kargo dari kehilangan ataupun kelewatan, MAS pula pada awal tahun ini telah melancarkan sistem komputer bagi mengawal aliran Kargo di lapangan-lapangan terbang di Sarawak. Menurut statistik yang diperolehi dari MAS, sejak sistem komputer itu dilancarkan bilangan kelewatan dan kehilangan kargo telah pun berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran denda sebanyak 25% daripada harga tiket setakat \$50 maksima bagi pembatalan penerbangan yang dibuat 24 jam sebelum waktu penerbangan adalah dikenakan bukan sahaja ke atas penumpang-penumpang di Sarawak tetapi bagi semua penerbangan dalam negeri, termasuk Sabah dan Semenanjung Malaysia. Tujuan mengadakan denda ini adalah untuk menentukan bahawa penumpang-penumpang yang benar-benar hendak melakukan penerbangan tidak akan ditolak kerana adalah didapati bahawa kejadian penumpang-penumpang yang tidak melakukan penerbangan setelah membuat tempahan adalah agak ramai dan ini akan membuang tempat duduk sahaja. Semenjak sistem denda bayaran ini dikenakan kejadian di mana penumpang-penumpang tidak melakukan penerbangan ataupun 'no show' sangat berkurangan. Bagi penerbangan-penerbangan yang dibatalkan oleh MAS kerana sebab-sebab seperti cuaca buruk ataupun kerosakan pesawat, penumpang-penumpang tidak dikenakan denda tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah juga membangkitkan mengenai kelewatan pihak Kerajaan membina Lapanganterbang baru di Sibu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang, khasnya dari DAP, memang sentiasa

mengkritik dasar-dasar Kerajaan dan mencari apa-apa jua kelemahan Kerajaan. Adalah dipercayai bahawa Ahli Yang Berhormat ini kurang faham atau sengaja tidak mahu memahami cara-cara bagaimana satu-satu projek itu dilaksanakan oleh Kerajaan. Matlamatnya adalah untuk mengelirukan rakyat demi kepentingan politiknya. Oleh hal yang demikian, supaya rakyat tidak boleh dikelirukan lagi, saya mengambil kesempatan di sini untuk menerangkan kedudukan sebenarnya mengenai pembinaan Lapanganterbang baru di Sibu. Kementerian saya telahpun mengambil tindakan dalam tahun 1978 dengan melantik sebuah firma Juru Perunding bagi menjalankan Kajian Pelan Induk dan Rekabentuk awal bagi lapanganterbang tersebut. Kajian Pelan Induk dan Rekabentuk awal telahpun siap dijalankan dan laporannya telah dikemukakan kepada Kerajaan dalam tahun 1980. Kerajaan telahpun mengkaji segala perakuan-perakuan dan syor-syor yang dikemukakan di dalam laporan pelan induk tersebut dan tapak yang sesuai telahpun dipersetujui. Berikutnya pada tahun 1981, Kerajaan telah melantik sebuah firma Perunding bagi menjalankan kerja-kerja Rekabentuk Akhir (detailed design). Firma tersebut telahpun memulakan kerjanya pada bulan November, 1981 dan Rekabentuk Akhir projek ini dijadualkan siap pada awal tahun 1983. Keseluruhan projek lapanganterbang baru Sibu ini dijadualkan siap pada tahun 1986.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu juga mencadangkan lapanganterbang Sibu sekarang perlu dilengkapi dengan lampu mendarat waktu malam (Airfield Lighting). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah telah diambil untuk memasang lampu-lampu di landasan lapanganterbang tersebut dan ianya akan disiapkan pada pertengahan tahun 1983. Langkah-langkah juga telah diambil untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di lain-lain lapanganterbang di Sarawak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu kajian Pelan Induk Lapanganterbang di Malaysia (National Airport Master Plan) telah dijalankan oleh sebuah firma

perunding. Pelan Induk ini melibatkan kajian mengenai keperluan dan perancangan bagi memperbaiki mutu atau mempertingkatkan taraf lapangan terbang-lapangan terbang yang ada di negara ini dan juga mengenal pasti keperluan-keperluan pembinaan lapangan-lapangan terbang baru. Kajian ini meliputi program perancangan yang diperlukan dari sekarang hingga tahun 2000. Pihak Juru Perunding telahpun mengemukakan kajian mereka itu dan pada masa ini ianya berada dalam pertimbangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, demikian sahaja jawapan-jawapan yang dapat saya beri mengenai Kementerian saya. Kepada pandangan, teguran dan pendapat-pendapat Ahli Yang Berhormat yang lain yang tidak dapat saya beri jawapan, Kementerian saya mengambil ingatan dan tindakan yang sewajarnya.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan ke atas beberapa isu dan masalah yang ada kaitannya dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Secara amnya pandangan-pandangan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan tersebut melibatkan hal-hal keselamatan dalam negeri seperti kejadian jenayah, kegiatan anasir-anasir subversif, masalah-masalah pendatang-pendatang haram, masalah penyalahgunaan dadah, masalah mengenai kewarganegaraan dan sebagainya.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, memberikan ulasan-ulasan dan penjelasan-penjelasan ke atas beberapa isu dan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu semasa mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Titah Ucapan Di Raja sempena Pembukaan Persidangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan

minat mengenai masalah pendatang-pendatang haram dari Indonesia. Wakil dari Mukah mendakwa bahawa terdapat banyak kes-kes jenayah seperti membunuh, merompak dan mencuri telah dilakukan oleh pendatang-pendatang haram dari Indonesia. Beliau seterusnya menggesa supaya Kerajaan mengatasi masalah ini. Wakil dari Ulu Trengganu menyatakan kedatangan pendatang-pendatang haram dari Vietnam ke negara ini terbukti tidak memberi apa-apa faedah bahkan membawa beban kepada negara. Sebaliknya beliau menyatakan bahawa pendatang-pendatang haram dari Indonesia yang telah datang ke negara ini untuk mencari pekerjaan telah dapat memberi sedikit sebanyak untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga yang sedang dialami oleh negara ini.

Beliau telah mempersoalkan sikap parti DAP yang sekarang ini kedegaran membuat bising mengenai kemasukan pendatang-pendatang haram Indonesia padahal pada satu ketika yang lalu parti DAP bermatimatian membela kedatangan pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini. Wakil-wakil dari Ulu Selangor, Kluang dan juga Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh mengenai masalah pendatang-pendatang haram ini. Saya suka menyatakan di sini bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan masalah pendatang-pendatang haram dari Indonesia ini telah membuat kenyataan-kenyataan dan dakwaan-dakwaan yang terlalu umum.

Sebagai contohnya, Wakil dari Mukah menyatakan bahawa terdapat banyak kes-kes jenayah seperti membunuh, merompak dan mencuri yang telah dilakukan oleh pendatang-pendatang haram dari Indonesia. Sukalah saya menjelaskan bahawa gambaran yang sebenarnya tidaklah seburuk yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Kenyataan saya ini adalah berasas kepada sejumlah kejadian jenayah bagi seluruh Malaysia yang sebenarnya telah berkurangan sebanyak 0.3% bagi tahun 1981 jika dibandingkan dengan kejadian jenayah bagi tahun 1980. Dari segi perangkaan, sebanyak 70,830 kejadian jenayah telah dilaporkan bagi tahun 1980 berbanding

dengan sejumlah 70,633 kes bagi tahun 1981. Daripada jumlah keseluruhan kejadian jenayah bagi tahun 1981 iaitu 70,633, hanya 258 kes ataupun 0.3% sahaja yang melibatkan pendatang-pendatang haram dari Indonesia.

Dari perangkaan-perangkaan tersebut pendatang-pendatang haram dari Indonesia telah jua terlibat dengan kejadian-kejadian jenayah di negara ini tetapi jelaslah penglibatan mereka tiadalah seburuk yang digambarkan oleh setengah-setengah pihak yang tertentu. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa Kerajaan boleh memandang ringan terhadap masalah ini.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa Kerajaan akan terus mengambil tindakan dengan sewajarnya untuk membentarkan kegiatan-kegiatan jenayah dalam negara ini sama ada yang dilakukan oleh warganegara Malaysia ataupun warganegara-warganegara asing. Saya juga suka menyatakan bahawa Kerajaan sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini. Kementerian saya telahpun dapat menambah kemampuan Jabatan Imigresen melalui pembesaran Unit Penguatkuasaan Jabatan itu bagi membolehkan kawalan yang lebih rapi dan berkesan diadakan untuk membentarkan kemasukan pendatang-pendatang haram ini.

Di samping itu rondaan-rondaan oleh Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Pasukan Polis Merin juga diperhebatkan di perairan Malaysia bagi mengesan dan mencegah kemasukan mereka. Pihak Polis Di Raja Malaysia berserta dengan Unit Penguatkuasaan Jabatan Imigresen akan terus meningkatkan kegiatan-kegiatan masing-masing untuk mengesan dan menangkap pendatang-pendatang haram yang telah berjaya masuk ke negara ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sejak tahun 1978 hingga September, 1982 seramai 13,303 orang pendatang-pendatang haram telahpun ditangkap dan diusir keluar ke negara asal mereka. Suka saya

menegaskan bahawa memang ada sebahagian kecil dari pendatang-pendatang haram dari Indonesia itu yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan jenayah sama seperti yang dilakukan oleh orang-orang dari keturunan Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi di negara ini. Masalah jenayah tidaklah dapat dikaitkan pada seseorang dari satu-satu golongan kaum atau keturunan batasan kaum atau keturunan.

Kegiatan-kegiatan jenayah boleh berlaku di mana-mana negara sekalipun dan boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di zaman sebelum perang dunia kedua atau di zaman penjajah dahulu ekoran dari kemasukan orang-orang asing dari negeri China dan negeri India ke negara ini kegiatan-kegiatan berbagai corak jenayah telah juga meningkat seperti kumpulan haram dengan izin Tuan Yang di-Pertua, secret societies bahkan juga telah berlaku peperangan di antara kumpulan di kalangan orang-orang Cina seperti yang terjadi di kawasan Larut di antara kumpulan Ghee Hin dan kumpulan Hai San dipertengahan abad ke 19 Masihi.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, suka saya menekankan di sini bahawa Kerajaan akan terus mengambil tindakan yang tegas dan wajar bagi membentarkan kegiatan-kegiatan jenayah yang dilakukan oleh penjenayah-penjenayah di negara ini tidak kira dari apa kaum atau keturunan. Saya kurang faham apakah tujuan sebenar Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang dan lain-lain yang tertentu yang jelas nampaknya suka dan selalu membangkit-bangkit dan mengheboh-hebohkan sangat perkara ini dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah mencadangkan supaya Kerajaan kita mencontohi Kerajaan Amerika Syarikat dan Britain mengenai permohonan kerakyatan iaitu mengikut beliau apabila seorang itu diberi surat perakuan bermastautin, sama seperti seorang pemegang kad pengenalan merah di negara ini, ianya adalah layak untuk

memohon kerakyatan setelah tinggal di dalam negara itu selama lima tahun walaupun kebanyakannya tidak boleh membaca dan menulis bahasa Inggeris. Wakil dari Bukit Mertajam itu telah mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan undang-undang yang lebih liberal mengenai perkara ini. Kepada Ahli Yang Berhormat tersebut saya suka menegaskan bahawa pemberian taraf kewarganegaraan adalah dibuat menurut perbekalan-perbekalan yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum Perlembagaan Malaysia telahpun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini juga. Kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang perubahan kepada Perlembagaan Malaysia atau lain-lain undang-undang mengenai perkara ini. Sukalah saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat supaya tidak membandingkan cara sesebuah negara lain menguruskan hal-ehwal pentadbirannya termasuk mengenai pemberian taraf kewarganegaraan. Apa yang dilakukan oleh negara asing itu ialah soal dan masalahnya sendiri. Negara kita Malaysia sebuah negara yang merdeka dan berdaulat sudah tentu mempunyai cara-cara kita sendiri sesuai dengan latar belakang sejarah dan keadaan yang wujud di negara ini.

Wakil dari Lambir meminta supaya Kerajaan menimbang nasib beribu-ibu orang yang tidak diberi kerakyatan kerana dilahirkan di Brunei. Hal ini berlaku kerana ibu-bapa mereka tinggal di Limbang dan di Lawas atau bekerja di syarikat minyak di Brunei dan kemudahan perubatan yang terhampir sekali adalah di Brunei. Kepada Ahli Yang Berhormat itu ingin saya menyatakan bahawa menurut Perlembagaan Malaysia orang-orang yang lahir di luar negeri termasuklah di Brunei yang mana bapanya warganegara Malaysia dianya adalah dianggap sebagai seorang warganegara Malaysia' mengikut proses undang-undang, dengan izin, by operation of law, tertakluk kepada beberapa syarat yang tertentu seperti yang telah termaktub di dalam Perlembagaan. Mereka yang mempunyai cukup syarat-syarat dan kelayakan boleh membuat permohonan masing-masing kepada Kerajaan.

Berhubung dengan masalah perlucutan kewarganegaraan terhadap seramai 16,000 orang rakyat Malaysia seperti dibangkitkan oleh wakil dari Ulu Selangor itu, inginlah saya menjelaskan bahawa sebahagian besar daripada mereka ini telah dilucutkan taraf kewarganegaraan oleh kerana mereka telah memperolehi kerakyatan negara asing di mana mereka itu menetap. Ada juga di antara mereka yang telah dilucutkan kewarganegaraan kerana mereka dengan sengaja telah menggunakan kemudahan-kemudahan negara-negara asing yang sepatutnya boleh dinikmati oleh rakyat negara yang tersebut sahaja. Selain dari itu mereka itu telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysia oleh kerana Kerajaan mendapati mereka telah mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia dengan cara memalsukan beberapa kenyataan di borang permohonan. Oleh yang demikian, saya tidak nampak sebarang sebab mengapa wakil tersebut mengatakan bahawa masyarakat Cina di negara ini merasa bimbang ke atas tindakan yang telah diambil terhadap mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Matang semasa memberi hujah-hujahnya telah menyentuh tentang berlakunya pecah-belah di kalangan masyarakat Islam di negara ini akibat dari kejadian dua Imam dan perbuatan kafir-mengkafir di antara umat Islam di beberapa bahagian di negara ini.

Sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan memang sedar tentang masalah dua Imam dan perbuatan kafir-mengkafir di kalangan umat Islam yang telah menjejaskan perpaduan masyarakat Islam di negara ini. Kerajaan percaya masalah ini bukan sahaja membahayakan keselamatan dan ketenteraman awam bahkan ianya juga dapat atau boleh melemahkan kita umat Islam keseluruhannya. Mereka yang menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang negara jika didapati bersalah akan dikenakan hukuman yang setimpal dengan peruntukan dalam undang-undang yang berkenaan. Saya suka menegaskan bahawa tindakan dari segi undang-undang sahaja adalah belum mencukupi untuk membentasi

kegiatan kafir-mengkafir ini. Saya ingin menyeru kepada semua pemimpin dan umat Islam di negara ini agar mereka dapat memainkan peranan masing-masing bagi menghapuskan kegiatan ini yang nyata sangat keji di sisi agama Islam, agama Allah, agama "Innaddi-naindallahi-Islam".

Wakil dari Kepong telah mendakwa bahawa Kerajaan mengadakan sekatan-sekatan di atas kebebasan bercakap di dalam masa pilihanraya diadakan di negara ini. Sekatan-sekatan tersebut adalah melalui langkah-langkah mengharamkan rapat-rapat umum semasa satu-satu pilihanraya diadakan di negara ini. Beliau mendakwa larangan ini telah menjejaskan kebebasan bercakap dalam pilihanraya yang diadakan.

Kepada Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan mengenakan larangan ke atas rapat-rapat umum di negara ini setelah Kerajaan menimbang dan berpuas hati bahawa keselamatan dan ketenteraman awam pasti akan terjejas sekiranya rapat-rapat umum itu dibenarkan. Rapat-rapat umum itu terpaksa diharamkan bagi mengelakkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dari mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi sesuatu keadaan atau isu bagi mencapai kepentingan politik mereka walaupun mereka itu sendiri sedar bahawa perbuatan mereka itu akan menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

Sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan tidaklah dapat mengorbankan keselamatan dan kesejahteraan negara kita semata-mata untuk memenuhi cita-cita pihak yang tertentu yang meletakkan kepentingan politik mereka di atas kepentingan masyarakat secara keseluruhannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labis dan Kluang telah membangkitkan tentang masalah penyalahgunaan dadah yang dikatakan boleh mengancam perpaduan dan keselamatan negara. Wakil dari Kluang menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah yang tegas untuk melindungi generasi muda di negara ini daripada terlibat dengan penyalahgunaan

dadah. Sementara itu wakil dari Labis mengesyorkan supaya hukuman yang lebih berat lagi dikenakan kepada mereka yang terlibat dengan masalah-masalah dadah.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan telah pun membuat beberapa pindaan kepada Ordinan Dadah Berbahaya, 1962 di mana barang siapa didapati bersalah mengedarkan dadah akan dikenakan hukuman mati atau penjara seumur hidup.

Mengikut Seksyen 39(b) Ordinan tersebut sesiapa sahaja didapati memiliki lebih daripada 100 gm heroin adalah dianggap sebagai seorang pengedar dan jika disabit kesalahannya hukumannya yang tersebut itu akan dikenakan oleh mahkamah.

Pada masa ini Kerajaan berpuas hati dengan hukuman-hukuman yang boleh dikenakan kepada pengedar-pengedar dadah dalam negara ini. Apa yang boleh diperlukan sekarang ialah kerjasama daripada orang ramai bagi membolehkan pihak-pihak yang berkuasa mengesan dan menangkap pengedar-pengedar dadah yang sedang begiat dalam kegiatan-kegiatan yang merbahaya ini.

Walau bagaimanapun sukalah saya memberi jaminan bahawa sekiranya didapati perlu Ordinan yang berkenaan boleh dipinda bagi membolehkan hukuman yang lebih berat lagi dari hukuman yang ada untuk dikenakan kepada mereka yang terlibat di dalam kegaitan mengedar dadah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua di samping itu sukalah saya memaklumkan bahawa sebagai langkah tambahan Kerajaan sedang membina beberapa buah pusat pemulihan dadah untuk menambahkan lagi keupayaan merawat dan memulih mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Langkah-langkah yang tertentu juga diambil untuk mencegah dari merebaknya penyalahgunaan dadah di negara ini.

Seramai tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pendapat masing-masing mengenai tarian naga ataupun singa. Wakil dari Kinta membangkitkan tentang tidak adanya kebebasan untuk

mengadakan pertunjukkan tarian naga atau singa yang mana adalah merupakan satu daripada kebudayaan orang-orang keturunan Cina. Wakil dari Ulu Selangor pula mendakwa bahawa sekatan ini telah membuat rakyat keturunan Cina merasa tertindas dari mengamalkan kebudayaan mereka. Sementara itu wakil dari Kuala Lumpur Bandar pula menyatakan bahawa Kerajaan telah mengambil tindakan yang tidak demokratik dalam mengadakan sekatan ke atas tarian naga atau singa ini. Kepada Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan membenarkan tarian-tarian naga ataupun singa diadakan dari masa kesemasa di negara ini. Walau bagaimanapun kebenaran ini adalah diberi tertakluk kepada beberapa syarat yang dikenakan demi menjaga ketenteraman awam dan keselamatan negara. Sekiranya tarian-tarian singa atau naga ini dibenarkan secara bebas tanpa syarat-syarat tertentu, Kerajaan percaya adanya anasir-anasir yang akan mengeksploitasi keadaan bagi tujuan-tujuan tertentu yang boleh mengancam ketenteraman awam dan kesejahteraan negara. Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa syarat-syarat yang dikenakan itu bukanlah dengan tujuan hendak menindas kebudayaan sesuatu kaum di negara ini bahkan ini membuktikan bahawa Kerajaan mementingkan soal ketenteraman awam dan keselamatan negara lebih dari soal-soal lain.

Saya telah berkali-kali menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak sekali-kali akan mengorbankan ketenteraman awam dan keselamatan negara semata-mata untuk memenuhi kepentingan-kepentingan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan masing-masing ke atas masalah-masalah dan isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian saya. Saya tidaklah dapat memberi penjelasan kepada setiap teguran dan pandangan yang telah dibangkitkan itu di Dewan ini tetapi insya Allah tiap-tiap syor yang dikemukakan itu akan diteliti dengan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertahanan.

5.53 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan yang telah diadakan semenjak 12hb Oktober, 1982 yang lalu, khasnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jasin telah mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengadakan semula National Service bagi menghadapi kemungkinan ancaman dari luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini perkara yang dibangkitkan ini bukanlah perkara baru malah ianya sudah beberapa kali dijawab dan dibincangkan di Dewan yang mulia ini semasa persidangan-persidangan yang lepas. Walau bagaimanapun di sini suka saya menyatakan sekali lagi bahawa pendirian Kerajaan dalam hal ini masih lagi tidak berubah iaitu sebagaimana telah ditegaskan di masa-masa yang lalu National Service masih tidak perlu dan belum sesuai lagi untuk diamalkan di negara ini. Kementerian saya sentiasa mengkaji dari masa ke semasa keadaan keselamatan di seluruh negara dan di sekitar rantau ini. Berasaskan kepada kajian dan pengawasan ini, saya percaya angkatan tentera kita mempunyai kemampuan bukan sahaja dari segi kelengkapan pertahanan bahkan juga dari segi kekuatan anggota untuk menjaga keselamatan kedaulatan dan keutuhan negara tanpa melibatkan kerahan tenaga dari seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat di dalam soal tenaga untuk mempertahankan negara, sistem yang kita amalkan sekarang ini adalah baik iaitu dengan mengambil rekrut warganegara yang benar-benar bersedia dan

sanggup untuk menjalankan tugas di dalam soal pertahanan sebagai anggota tentera sama ada anggota tetap atau sukarela.

Struktur pasukan sukarela yang dibina berasaskan pertimbangan bahawa rakyat boleh menyumbangkan tenaga dalam soal pertahanan negara secara sukarela. Sistem perkhidmatan sukarela adalah satu sistem yang baik untuk memupuk perasaan cintakan tanahair dan semangat tanggungjawab serta semangat sedia berkorban untuk kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Labis pula telah mengesyorkan agar Kerajaan dapat menambahkan kelengkapan dan peralatan tentera demi untuk menjaga keselamatan negara. Kementerian saya telah pun membentuk rancangan-rancangan pertahanan yang difikirkan lengkap dan praktik setimpal dengan kemampuan negara untuk menghadapi sebarang kemungkinan baik yang berupa ancaman dari dalam atau luar negeri.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang agak besar untuk Kementerian saya dan peruntukan ini termasuk pembelian alat-alat kelengkapan yang lebih moden dan sofistikated untuk ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera sejajar dengan keperluan negara. Walaupun negara sedang menghadapi kemelesetan ekonomi namun ianya tidak menjejaskan pembelian alat-alat kelengkapan pertahanan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Baling pula telah mengesyorkan supaya sebuah camp infantry battalion Askar Melayu Diraja ditubuhkan di kawasan Baling sebagai langkah untuk menghalang kegiatan pegganas komunis. Buat masa ini Kerajaan belum lagi ada cadangan untuk menubuhkan sebuah kem askar di kawasan Baling. Ini adalah memandangkan satu brigade telah pun ditempatkan di Daerah Keroh yang berhampiran dengan Baling. Walau bagaimanapun Kementerian saya sedang mengkaji dan memberi perhatian kepada perkara ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih di atas segala teguran-teguran dan syor-syor yang diberikan kepada Kementerian saya.

5.58 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Haji Mohamad bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan agama Islam.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang menyentuh aspek-aspek lain di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri akan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang telah menumpukan seluruh ucapannya kepada perkara-perkara yang menyentuh usaha-usaha Kerajaan sama ada di dalam mengadakan kemudahan-kemudahan kebendaan kepada orang-orang Islam mahupun usaha-usaha Kerajaan ke arah mempertingkatkan lagi syiar Islam di negara ini.

Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang saranan Ahli Yang Berhormat itu bahawa dalam masalah hukum kita serahkan kepada ahli-ahli hukum. Beliau mendakwa bahawa PAS tidak mengkafirkan orang-orang Islam. Saya tidak tahu sama ada dakwaan itu benar atau tidak. Yang jelas kepada kita semua ialah hukum kafir mengkafir orang-orang Islam tidak ditimbulkan oleh orang-orang Islam di dalam Barisan Nasional. Yang jelas Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang sendiri telah menyentuh soal hukum di dalam ucapan itu yang mana beliau telah memetik hukum yang berbunyi: "Ar-Ridha bil kufri-kufrun" yang huraiannya bermaksud: "Seseorang yang terlibat di dalam perkara atau masalah yang boleh terkeluar daripada

Islam sedangkan ia tahu hal itu dan redha dengannya serta tidak mengelakkan dirinya maka orang itulah yang dimaksudkan redha dengan kekufuran yang menjadikannya kufur.”

Tuan Yang di-Pertua, punca hukum ini tidaklah bermaksud bahawa bekerjasama dengan orang-orang kafir oleh pihak orang-orang Islam di dalam soal dan urusan keduniaan seperti keadaan yang berlaku sekarang di dalam bidang pentadbiran negara ini di bawah Kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang. Ini juga tidaklah bererti bahawa mendiamkan diri oleh pihak yang beragama Islam terhadap orang-orang kafir di dalam negeri ini tanpa memaksa mereka memeluk agama Islam atau meninggalkannya terus agama nenek moyang mereka kepada beragama Islam.

Dalam masalah ini, suka saya menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Tuhan tidak membenarkan seseorang Islam memaksa orang bukan Islam memeluk agama Islam. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua: “La ikro-ha fiddi-ni. Qad tabbaiyana rasydu minal ghai—(Al-Quran)—Meaning: There shall be no compulsion in religion, as the truth is clear from the untruth. Yakni tidak ada paksaan dalam agama kerana kenyataan yang benar adalah nyata daripada yang tidak benar. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, apakah pemimpin-pemimpin PAS itu lebih bijak daripada Allah s.w.t. sendiri? Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang cuba mengelirukan dan memutar-belitkan dari maksud hukum itu. Ini kerana huraian mengenai hukum itu adalah berpandukan kepada keadaan zaman Rasulullah s.w.t dan para Sahabat.

Ahli Yang Berhormat tersebut juga telah menyatakan bahawa PAS sedang menunggu penuh minat terhadap usaha-usaha Kerajaan bagi menerapkan perundangan Islam dalam negara. Suka saya menyatakan di sini bahawa perkara tersebut bukanlah menjadi minat parti Yang Berhormat sahaja, malahan ia menjadi hasrat seluruh umat Islam di negara ini. Di dalam hubungan ini adalah dinyatakan bahawa usaha-usaha untuk menerapkan undang-undang Islam memang telah

dijalankan oleh Kerajaan sebelum ini dan usaha-usaha ini dipertingkatkan lagi dengan gighnya oleh Kerajaan sekarang. Badan Perunding Islam telah ditubuhkan untuk menasihatkan Kerajaan cara untuk menerapkan undang-undang Islam di dalam pentadbiran dan pembangunan negara. Usaha-usaha ini perlu dirancang dengan teratur dan sempurna supaya dapat dilaksanakan dengan berkesan dan adil pada semua pihak. Langkah-langkah ini, insya Allah, akan dapat mencapai hasrat umat Islam seluruhnya jika perpaduan mereka tidak dilemahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyentuh tentang usaha-usaha Kerajaan bagi menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara masa kini. Dalam hal ini Kerajaan sedar bahawa pegawai-pegawai harus mempertingkatkan pengetahuan mereka mengenai agama Islam. Ini ialah satu kewajipan bagi orang Islam. Kerajaan telah mengadakan kursus latihan rohaniah untuk Pegawai-pegawai Kadet di dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Kursus Latihan Rohaniah ialah merupakan salah satu perkara di dalam kursus untuk Pegawai-pegawai Kadet P.T.D. yang dijalankan secara insentif dan bercorak kediaman penuh. Antara matlamat kursus ini ialah untuk memberi kefahaman Islam di dalam berbagai aspek, mewujudkan pegawai-pegawai benar “committed dan dedicated” bukan sahaja kepada tugas-tugas mereka bahkan juga kepada masyarakat dan dapat membentuk serta menanam semangat persaudaraan Islam di kalangan mereka.

Berkenaan dengan perkara perkhidmatan pegawai-pegawai agama, suka saya menyatakan atau menjelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan memang mengambil perhatian berat terhadap perkhidmatan mereka itu dan telah berusaha untuk menyelaras meningkatkan perkhidmatan tersebut. Sekarang ini hasil dari pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet, tanggagaji dan syarat-syarat telah pun diseragamkan.

Saya ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Perkhidmatan

Pegawai Ugama juga istimewa yang melibatkan perlantikan Khadi dan Mufti adalah tertakluk di dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah Perlembagaan Malaysia. Ini bermakna sebarang usaha untuk menyatakan perkhidmatan-perkhidmatan Pegawai Ugama Islam Negeri termasuk Khadi-khadi tidaklah dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, kecuali dengan persetujuan Kerajaan-kerajaan negeri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan bahawa apabila Laporan Suruhanjaya Gaji Suffian dilaksanakan jawatan-jawatan Pegawai Pentadbir Hal Ehwal Ugama termasuk Khadi telahpun diletakkan di dalam Kumpulan Kerja Separa Iktisas dan di bawah Penyemakan gaji Laporan Jawatan Kabinet, jawatan-jawatan berkenaan telah diletakkan di dalam Kumpulan A dengan tanggagaji A 22 yang mensyaratkan kelayakan ijazah bagi perlantikan ke dalamnya.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga telah bertanya sejauh mana Kerajaan kita telah memberi tugas dan kepercayaan kepada agensi-agensi ugama agar mereka secara lebih berkesan berusaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara sebagaimana yang dikehendaki oleh pemimpin negara sekarang. Untuk menjawabnya, suka saya menyatakan bahawa agensi-agensi ugama adalah sememangnya diberi kepercayaan untuk memainkan peranan penting di dalam menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara. Badan Perundangan Islam telah ditubuhkan untuk menasihatkan Kerajaan cara-cara menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan pembangunan negara.

Keanggotaan Badan Perundangan Islam bukan sahaja terdiri daripada sarjana-sarjana Islam telah ia juga terdiri dari pakar-pakar di dalam berbagai-bagai bidang seperti ekonomi, perubatan, kejuruteraan, undang-undang, pendidikan dan lain-lain lagi yang bertanggungjawab memikirkan cara-cara bagaimana nilai-nilai Islam dapat diterapkan dalam semua bidang aktiviti kehidupan

penduduk negara ini. Badan Perunding Islam juga melibatkan semua jabatan-jabatan Kerajaan dan Agensi Kerajaan di dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan pembangunan negara. Ini juga membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil buah fikiran sarjana-sarjana Islam bagi mencapai hasrat yang dicita-citakan.

Menyentuh tentang latihan kepada pegawai-pegawai ugama, maka suka saya nyatakan bahawa kita haruslah membezakan tugas-tugas asasi pegawai-pegawai ugama dan juga tugas-tugas pegawai pentadbiran dan pengurusan.

Pegawai-pegawai ugama adalah merupakan pegawai-pegawai yang profesyenal dalam bidang keugamaan yang mana mereka mempunyai tugas-tugas yang khusus seperti tugas-tugas Mufti, Khadi, Pegawai Pelajaran Ugama, Pendakwah dan sebagainya. Pegawai-pegawai ini adalah mempunyai pengetahuan, pengalaman dalam latihan yang sesuai membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas khusus ini dengan baik dan berkesan. Walaupun begitu suka diingatkan bahawa pegawai-pegawai ugama juga memang ada diberi latihan. Pegawai-pegawai yang baru bertugas adalah diberi kursus selama 3 minggu. Kursus-kursus lepasan ijazah juga ada diberi kepada pegawai-pegawai tersebut dan pada masa sekarang Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama INTAN sedang merancang mengadakan kursus methodoloji latihan dan penyelidikan kepada pegawai-pegawai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang membina terhadap perkara Ugama Islam. Saya juga mengambil kesempatan ini menyatakan bahawa dalam usaha-usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Islam, kita tidaklah boleh berharap untuk mendapatkan kejayaannya dengan sekelip mata. Kita harus juga memandang kepada keadaan masyarakat majmuk (plural society) kita yang mana

memerlukan kita lebih berhati-hati dalam usaha mencapai hasrat yang dicita-citakan itu. Sekian.

6.13 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung jawapan dari Jabatan Perdana Menteri, izinkan saya jelaskan bahawa setengah daripada kemuskilan dan dakwaan yang ditimbulkan telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini melalui pertanyaan-pertanyaan tertentu dalam masa soal jawab. Saya tidak bercadang hendak mengulangnya dan saya hanya akan menjawab perkara-perkara yang belum disentuh oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan selama lima hari, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh berbagai-bagai perkara termasuk rasuah, peruntukan pembangunan, mengurangkan pembaziran dan penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah. Ini menunjukkan perhatian yang berat Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap isu-isu yang dihadapi oleh negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mendakwa bahawa pucuk pimpinan Kerajaan sudah berganjak dalam kempen membentaras rasuah di peringkat atasan politik. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengulangi keazaman pucuk pimpinan Kerajaan untuk membentaras dan mencegah rasuah di semua peringkat termasuk di peringkat atasan politik. Badan Pencegah Rasuah sedang giat menjalankan siasatan terhadap orang-orang yang didapati dalam amalan rasuah. Satu lagi dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu ialah bahawa orang-orang politik yang terkemuka telah disiasat dan dakwa oleh Badan Pencegah Rasuah hanya di atas kesalahan-kesalahan teknikal yang kecil sahaja tetapi mereka yang telah melakukan skandal rasuah yang besar tidak disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah.

Sebelum itu Ahli Yang Berhormat seringkali mendakwa bahawa Badan

Pencegah Rasuah tidak mengambil tindakan terhadap orang-orang atasan politik yang terlibat dalam rasuah. Tetapi apabila Badan Pencegah Rasuah mula mengambil tindakan sewajarnya terhadap golongan ini, beliau menyatakan pula bahawa tindakan Badan Pencegah Rasuah itu ialah berkaitan dengan kesalahan-kesalahan teknikal sahaja. Nampaknya apa-apa tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk membentaras rasuah di peringkat tinggi tidak akan memuaskan hati Ahli Yang Berhormat itu kerana beliau sememangnya bersikap dan berpendirian suka memperkecilkan serta mengkritik segala usaha Kerajaan untuk membentaras rasuah dalam negara.

Selanjutnya Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa indeks untuk mengukur kejayaan Kerajaan dalam kempen menghapuskan rasuah ialah untuk mendapat tahu sama ada rakyat biasa, penunggang-penunggang motosikal, pemandu-pemandu lori, penjaja-penjaja dan lain-lain sudah dibebaskan daripada penindasan rasuah dalam kehidupan harian mereka. Adalah tidak dinafikan ada gangguan daripada kakitangan Kerajaan di peringkat tertentu yang mengambil kesempatan atas mereka yang berkenaan semasa menjalankan tugas harian mereka, tetapi apabila Badan Pencegah Rasuah menerima aduan-aduan daripada rakyat biasa dan mengambil tindakan memberkas dan mendakwa mereka di mahkamah, maka Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu lantang menuduh Kerajaan ataupun Badan Pencegah Rasuah hanya menangkap ikan-ikan kecil sahaja.

Berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa rakyat biasa masih ditekan, inginlah saya jelaskan bahawa tindakan-tindakan Badan Pencegah Rasuah telah mula menunjukkan hasil dan kesannya sehingga ada pihak-pihak tertentu yang merayu supaya diperlahankan tempoh pencegahan rasuah yang sedang berjalan sekarang.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan yang meminta Kerajaan menambahkan lagi bilangan kakitangan Badan Pencegah Rasuah di Sabah, suka dinyatakan

bahawa sejumlah 21 jawatan wujud di pejabat Badan Pencegah Rasuah di negeri itu pada masa ini. Pengisian jawatan adalah diuruskan mengikut keutamaan dan juga mengikut keadaan ekonomi negara. Walaupun begitu, kekosongan itu tidaklah menjejaskan tugas badan tersebut pegawai-pegawai daripada ibu pejabat boleh memberi bantuan dari masa ke semasa apabila perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kota Melaka menyatakan bahawa Malaysia tidak pernah difikirkan akan menjadi satu negara yang mempunyai satu bahasa dan satu kebudayaan oleh kerana ianya akan menghilangkan sama sekali perwatakan sebagai sebuah masyarakat yang berbilang bangsa, bahasa, ugama dan kebudayaan. Seterusnya ahli Yang Berhormat itu menyebut Perkara 152 dalam Perlembagaan mengenai perkara ini. Hujah-hujah penolakan penubuhan Universiti rdeka di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Persekutuan dikatakannya telah berupa satu interpretasi yang sempit dan tersekat kepada Perkara 152 yang tersebut.

Ahli Yang Berhormat itu selanjutnya mempersoalkan bahawa Kerajaan selepas Pilihanraya Umum, 1982 telah committed kepada kelahiran satu warga, satu bahasa dan satu budaya dan apa akan terjadi kepada bahasa-bahasa dan kebudayaan-kebudayaan lain di Malaysia di masa depan.

Bagi menjawab, sukacita dinyatakan bahawa dari apa yang dihuraikan dalam Perkara 152 Perlembagaan ternyata bahawa negara Malaysia yang terdiri dari rakyat berbagai kaum dan ugama adalah diberi jaminan mengamalkan bahasa, ugama dan adat resam serta kepercayaan masing-masing. Tetapi sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat tidak dapat tidak ia mesti mempunyai satu Bahasa Kebangsaan yang juga sebagai bahasa perpaduan. Ini telahpun dimaktubkan dalam Akta Bahasa Kebangsaan, 1967 yang telahpun diterima oleh ketua-ketua kaum masing-masing. Begitu juga Ugama Islam sebagai ugama rasmi negara ini.

Mengenai kebudayaan pula, sungguhpun dasar Kerajaan untuk menjadikan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan, tetapi unsur-unsur kebudayaan dari lain-lain kaum yang dianggap sesuai

akan diserapkan kepada teras kebudayaan kebangsaan itu supaya kebudayaan kebangsaan ini dapat diperkayakan lagi untuk menjadi kebanggaan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau juga telah menyentuh tentang Perkhidmatan Pusat Bayaran Bil Setempat, suka dinyatakan bahawa dalam pada mengkaji penerimaannya oleh masyarakat di Wilayah Persekutuan dan sebarang masalah lain yang timbul, Kerajaan juga telah mengkaji yang timbul. Kerajaan juga telah memperluaskan sistem itu keseluruh negara. Adalah hasrat Kerajaan untuk memperluaskan sistem Bayaran Bil dan Perkhidmatan Setempat itu keseluruh negara pada awal tahun hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah menyentuh mengenai pembaziran. Suka dinyatakan bahawa mengurangkan pembaziran wang, tenaga manusia dan lain-lain sumber pembangunan memang merupakan salah satu strategi Kerajaan dalam usaha untuk menambahkan penghasilan kerja di sektor awam. Ini juga bermakna menggunakan sumber-sumber itu termasuk alat-alat dan jentera-jentera mahal yang digunakan oleh berbagai-bagai jabatan Kerajaan dengan faedah yang optima.

Di masa ini pihak yang bertanggungjawab untuk mengawasi supaya wang rakyat digunakan dengan betul dan mengikut peraturan-peraturan serta undang-undang ialah Juru Odit Negara dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Accounts Committee). Kedua-dua pihak ini telah menjalankan tugas masing-masing dengan memuaskan dan tidaklah dirasakan perlu untuk menubuhkan satu badan lain mengenainya. Untuk mencegah lain-lain pembaziran di peringkat pejabat-pejabat Kerajaan, pegawai-pegawai pengawal akaun, Perbendaharaan Malaysia dan lain-lain agensi pusat sentiasa memberikan perhatian berat kepada pengawalan perbelanjaan dan pengurusan kewangan.

Berhubung dengan pembaziran di pihak swasta ini adalah tanggungjawab keseluruhannya. Jika mereka mulai menjaga dan mengawal perbelanjaan mereka, pembaziran

akan berkurangan dengan sendirinya. Langkah dan usaha Kerajaan menambahkan kesedaran rakyat tentang perlunya berjimat cermat dan mencegah pembaziran adalah dirasai cukup untuk mengurangkan masalah berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai, antara lain, telah membangkitkan soal dasar pengambilan pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam serta mencadangkan nisbah 70 pegawai Melayu dan 30 bukan Melayu. Bagi menjawabnya suka dinyatakan bahawa memanglah menjadi hasrat Kerajaan agar Perkhidmatan Awam Malaysia mencerminkan rakyat berbilang kaum di negara ini. Pada masa sekarang bilangan-bilangan pegawai Kerajaan di Semenanjung mengikut kumpulan dan pecahan antara pegawai-pegawai bumiputera dan bukan bumiputera adalah seperti berikut:

	<i>Kumpulan</i>	<i>Bumiputra</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>
A	23,092	16,291
B	20,382	10,570
C	138,928	56,029
D	223,798	60,985

Dari angka di atas Ahli Yang Berhormat akan mendapati bahawa dalam Kumpulan C, 29% daripada pegawai terdiri dari pegawai bukan Bumiputra. Bagi Pegawai Perkeranian pula peratus kakitangan bukan bumiputera adalah 18%. Dengan itu tentulah jelas kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa dakwaannya yang menyatakan bilangan kakitangan bukan bumiputra dalam Perkhidmatan Perkeranian kurang daripada 5% adalah tidak benar. Begitu juga dengan dakwaan beliau bahawa semua Pegawai Tadbir Negeri dari satu keturunan sahaja. Ini juga tidak benar.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dapat lihat daripada angka yang saya sebut di atas, peratus pegawai-pegawai bukan Bumiputra dalam Kumpulan A adalah 41%. Ramai juga pegawai daripada Kumpulan A ini ditempatkan di peringkat daerah dan negeri.

Mengenai dakwaan-dakwaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kpong mengenai pilihanraya kecil Kepayang,

adalah dinyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya berpuas hati dengan cara ianya menjalankan pilihanraya kecil Kepayang itu dan tidak nampak ketidakadilan mengenai perjalanannya.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang kelayakan elaun pegawai Kerajaan. Tentang masalah pertukaran pegawai-pegawai Persekutuan yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibul, Kerajaan telah menetapkan kadar yang boleh dituntut bagi pertukaran dari Semenanjung ke Sarawak dan Sabah atau sebaliknya dan dari suatu tempat ke suatu tempat di Semenanjung atau di negeri Sarawak. Perbendaharaan telah menentukan kadar-kadar tersebut di bawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1980.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pula telah meminta supaya dikaji semula bayaran Elaun Kerajaan yang diberikan kepada Pegawai Kerajaan Peringkat Tertinggi G ke atas. Saya ingin menjelaskan kedudukannya yang sebenarnya. Elaun Kerajaan Bulanan telah diluluskan beberapa lama dahulu kepada pegawai-pegawai dalam Tingkatan Tertinggi G ke atas. Selain daripada itu ketua-ketua jabatan yang selalu dikehendaki meraikan tetamu dan orang-orang kenamaan boleh membuat tuntutan berasaskan kepada bil dan resit perbelanjaan itu. Apabila Laporan Suruhanjaya Gaji Harun dilaksanakan dalam tahun 1975 bayaran Elaun Kerajaan bulanan telah diluaskan kepada semua Ketua Pengurus Kerja Badan-badan Berkanun dan Penguasa Tempatan tidak mengira taraf tingkatan jawatannya. Demi kepentingan penyelarasan, penyeragaman telah dilakukan apabila dilakukan penyemakan gaji Jawatankuasa Kabinet. Bayaran Elaun Kerajaan Bulanan ditetapkan kadarnya dan diberikan kepada pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi 6 ke atas dan kepada lain-lain pegawai yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berasaskan kepada sifat tugas jawatannya yang kerap kali memerlukan mereka meraikan tetamu dan orang-orang kenamaan dengan kadar 5% daripada gaji mereka.

Walaupun langkah-langkah berjimat-cermat telah diambil untuk mengurangkan

perbelanjaan Kerajaan seperti pembekuan pengisian jawatan-jawatan yang kosong yang tidak bercorak teknikal dan mengurangkan mewujudkan jawatan-jawatan baru serta pemeringkatan jawatan-jawatan yang sedia ada masanya belum lagi sampai bagi Kerajaan menyemak semula kadar gaji dan elaun-elaun dengan tujuan untuk menyusun atau menarik balik bayaran sekarang ini.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang supaya dikaji semula peraturan menghentikan pemberian pencen kepada balu-balu yang telah berkahwin, suka dinyatakan bahawa setakat ini Kerajaan tidak berniat untuk mengubah peruntukan-peruntukan yang ada. Peraturan-peraturan ini memang terdapat di negara-negara lain di seluruh dunia dan adalah dirasai menasabah kerana apabila balu telah berkahwin tanggungjawab menanggung balu telah berpindah pada suaminya yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Peruntukan Negeri-negeri yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibul dan Matang, sukacita dinyatakan bahawa dalam menentukan peruntukan pembangunan bagi sesuatu negeri itu, apa yang penting ialah keperluan bagi negeri itu untuk mencapai matlamat tersebut dan bukannya hasil yang disumbangkan oleh negeri itu. Bagi negeri Sarawak pula peruntukan bagi kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam bagi negeri tersebut dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat adalah lebih besar dari peruntukan-peruntukan yang telah disediakan dalam rancangan-rancangan pembangunan yang lalu. Di samping itu usaha-usaha yang lain juga dijalankan bagi meninggi dan memperbaiki kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam di negeri tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin telah mencadangkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) memberi bantuan kepada peniaga-peniaga bumiputra. Dalam hal ini seperti sedia dimaklumi PNB adalah juga jentera pelaburan dengan tujuan melipatgandakan lagi hakmilik bumiputra di sektor syarikat. Sekiranya PNB ditugaskan pula untuk memberi bantuan kepada peniaga-peniaga

bumiputra PNB tidak dapat menumpukan kegiatannya kepada objektif menambahkan hakmilik saham bumiputra itu, tambahan pula ada berbagai agensi yang memberi bantuan kepada peniaga-peniaga bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini menjelaskan di sini mengenai perkataan-perkataan "Jabatan Kehakiman" yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau ketika membangkitkan perkara-perkara mengenai hakim dan mahkamah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menurut Perkara 121 Perlembagaan Malaysia kuasa kehakiman atau judicial power adalah terletak kepada suatu kuasa bebas yang dinamakan "Judiciary" atau "Badan Kehakiman" iaitu badan ketiga di bawah -prinsip pembahagian kuasa-kuasa atau separation of powers yang menjadi asas utama dalam sistem pemerintahan demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara kita sekarang ini. Oleh itu adalah suatu kesilapan dan boleh mengelirukan jika Badan Kehakiman itu dianggap sebagai sebuah Jabatan seperti lain-lain Jabatan Kerajaan yang terletak di bawah kuasa Eksekutif. Hakim-hakim yang dilantik itu sebenarnya menganggotai Badan Kehakiman.

Mengenai pelaksanaan Bahasa Malaysia di mahkamah, tidaklah benar jika dikatakan bahawa Badan Kehakiman masih mendewadewakan bahasa asing dan dipagari oleh tembok-tembok tebal untuk mempertahankan sisa peninggalan penjajahan British. Sebenarnya Badan Kehakiman sedar betapa perlunya Bahasa Malaysia digunakan di mahkamah. Untuk mencapai matlamat ini Badan Kehakiman telah mengambil langkah yang positif dengan memberi kerjasama dengan eratnya kepada Jabatan Peguam Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha menterjemahkan undang-undang ke Bahasa Malaysia melengkapkan Bahasa Malaysia dengan istilah undang-undang dan mengadakan bengkel penerbitan undang-undang dari masa ke semasa. Di samping itu sebagai langkah permodalan Mahkamah Rendah telah diarah

dan diberi panduan oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara melaksanakan percaraan dalam Bahasa Malaysia dengan tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Bahasa Kebangsaan 63/67 disemak 1971. Sungguhpun ada masalah dalam penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah tidak dapat dinafikan kemajuan yang telah tercapai dalam usaha Badan Kehakiman bagi melaksanakan Bahasa Malaysia di mahkamah adalah menggalakkan. Sebagai bandingan boleh disaksikan bahawa setengah-setengah negara bekas jajahan British yang lebih awal merdeka daripada kita masih mempergunakan bahasa Inggeris di mahkamah-mahkamah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri jawapan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran membina ke arah meninggikan tahap pencapaian kita dalam usaha membangunkan negara. Adalah dibanggakan bahawa Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mendapat sambutan yang sungguh baik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan masa yang diperuntukkan selama lima hari lebih ini telah digunakan dengan penuh minat.

Hasil pemikiran Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dikemukakan dalam tempoh perbahasan akan diberi perhatian oleh Kerajaan dan yang mana sesuai mungkin dapat dipertimbangkan dalam mencari penyelesaian kepada masalah-masalah rakyat, semoga hasrat kita untuk membentuk sebuah negara yang gemilang, yang bermaruah dan yang dihormati oleh dunia akan menjadi kenyataan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, masalahnya ialah

bahawa Usul atas nama Yang Berhormat daripada Balik Pulau iaitu:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam.

disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui. Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam.

Persidangan ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, 22hb Oktober, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.